ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
70 TAHUN 1956-2026

**MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان**

**"BAHAWA Ibn Abbas Radhiallahuanhuma beliau telah berkata : "Aku tidak melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengutamakan hari puasa yang dilebihkan atas hari lain kecuali hari ini, iaitu hari Asyura dan bulan Ramadan".**

**(Hadis riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim)**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.10 | DUHA 6.35 | ZUHUR 12.24 | ASAR 3.50 | MAGHRIB 6.35 | ISYAK 7.51

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 75 | 24 JUN 2026 / 1448 محرم 8 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap secara berasingan Ketua-ketua Perwakilan Asing yang akan menamatkan perkhidmatan. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said** ***( Lihat muka 3).***

# Pengemaskinian keahlian Majlis Ugama Islam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 23 Jun. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawasanya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pengemaskinian keahlian Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam yang ada pada masa ini.

Pengemaskinian keahlian Majlis Ugama Islam adalah seperti berikut, iaitu Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam; Timbalan Menteri Pendidikan dan Ahli Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal dilantik selaku Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam; dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Awang Haji Hassan bin Haji Metali dilantik sebagai ahli baharu Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh pelantikan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam berkuatkuasa pada Khamis, 17 Zulhijah 1447 Hijrah bersamaan 4 Jun 2026 Masihi semasa pelantikannya sebagai Menteri Hal Ehwal Ugama, manakala lantikan Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam dan ahli baharu yang berkenaan berkuatkuasa mulai Selasa, 7 Muharam 1448 Hijrah bersamaan 23 Jun 2026 Masihi.

# Membangunkan ekosistem makanan laut bersepadu

**Oleh : Aimi Sani**

**SERASA**, Selasa, 23 Jun. – Sebagai satu pencapaian penting dalam usaha memperkukuh sektor perikanan negara, Majlis Pecah Tanah Projek Loji Pemprosesan Makanan Laut Gropoint diadakan bertempat di Pusat Perikanan Serasa, di sini.

Gropoint Sdn. Bhd. (Gropoint) telah memulakan projek berkenaan sebagai satu langkah strategik untuk memajukan industri perikanan dan makanan laut Negara Brunei Darussalam (NBD).

Projek berkenaan bukan sahaja melibatkan pembinaan kemudahan pemprosesan moden, malah bertujuan untuk membangunkan ekosistem makanan laut bersepadu yang menyokong kepelbagaian ekonomi, keselamatan makanan dan pembangunan industri negara.

**>> Muka 4**

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama



**TINGKATKAN kepimpinan profesional, kerjasama rentasi rantau Indo-Pasifik**

**Muka 9**



**MEMPERKASA budaya membaca dalam kalangan belia**

**Muka 10**



**MEMBARIGAKAN maklumat isu semasa, dasar kerajaan**

**Muka 13**



RENCANA

**HARI Asyura : Lipat gandakan amalan**

**Muka 20**

# Jawatankuasa Kebangsaan perkasa persiapan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80

**Bismillahir Rahmanir Rahim Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Ambiae Walmursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.**

**ALHAMDULILLAH**, ucapan syukur dirafakkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir ke Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 bagi Tahun 2026.

Peramba, kaola, saya sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas kurnia Titah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi pelantikan Penasihat-penasihat Bersama, Pengerusi-pengerusi Bersama, Timbalan-timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan serta Jawatankuasa Pandu Kepada Jawatankuasa Kerja Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-80 tahun pada tahun ini.

Terima kasih di atas kehadiran Yang Berhormat Pehin-pehin, Yang Berhormat Dato-dato, Yang Berhormat Datin, Yang Mulia Pengiran Dato, Yang Mulia Dato-dato, Yang Mulia Tuan-tuan dan Puan-puan ke mesyuarat pada petang ini.

Sesungguhnya, Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan keraian negara yang sangat istimewa dan sentiasa dinanti-nantikan oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD). Penglibatan dan sokongan padu rakyat dalam sama-sama memeriahkan sambutan ini mencerminkan rasa kasih, taat setia dan syukur Kehadapan Majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di samping memperkukuhkan perpaduan, keharmonian dan semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat.

Sukacita jua peramba, kaola, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan terima kasih kepada Penasihat-penasihat bersama, Pengerusi-pengerusi bersama, Timbalan-timbalan pengerusi bersama, Ahli-ahli Jawatankuasa, penuntut-penuntut sekolah, jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta serta semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan komitmen dalam menjayakan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang Ke-79 pada tahun lalu.

Peramba, kaola, saya sukacita mengongsikan tarikh-tarikh bagi acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM yang Ke-80 Tahun 2026 yang telah disembahkan Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan telah mendapat kurnia titah mengambil maklum terhadap tarikh-tarikh bagi majlis-majlis sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-80 bagi Tahun 2026 seperti berikut, Acara Pengibaran Bendera Besar NBD akan diadakan pada Rabu, 1 Julai 2026 bertempat di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Bandar Seri Begawan (BSB), InsyaAllah tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Manakala Acara Menaikkan Bendera di daerah-daerah lain adalah seperti berikut, bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM), akan diadakan di Kawasan Perkarangan, Bangunan Jabatan Daerah Brunei dan Muara, dan tetamu kehormat ialah Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi; bagi Daerah Belait akan diadakan di Kawasan Menara Cendera Kenangan dan tetamu kehormat ialah Yang Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM); bagi Daerah Tutong akan diadakan di Kompleks Dewan Kemasyarakatan dan tetamu kehormat ialah Yang Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM; dan di Daerah Temburong akan diadakan di Kawasan Lapang Taman Perayaan, Pekan Bangar dan tetamu kehormat ialah Yang Mulia Timbalan Menteri di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Jika tetamu-tetamu kehormat tersebut ada yang berhalangan, maka timbalan-timbalan menteri yang berkelapangan akan dijemput sebagai pengganti.



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman berucap dalam mukadimah Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 Tahun bagi Tahun 2026 pada Selasa, 12 Mei 2026 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat West Wing, Bangunan Jabatan Perdana Menteri.**

**>> Muka 8**

## WAKTU SEMBAHYANG

| JUN MASIHI | HARI | MUHARAM HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 24 | RABU | 8 | 4.36 | 4.46 | 6.10 | 6.35 | 12.24 | 3.50 | 6.35 | 7.51 |
| 25 | KHAMIS | 9 | 4.36 | 4.46 | 6.11 | 6.35 | 12.24 | 3.50 | 6.35 | 7.51 |
| 26 | JUMAAT | 10 | 4.36 | 4.46 | 6.11 | 6.35 | 12.24 | 3.50 | 6.35 | 7.51 |
| 27 | SABTU | 11 | 4.36 | 4.46 | 6.11 | 6.35 | 12.24 | 3.50 | 6.35 | 7.51 |
| 28 | AHAD | 12 | 4.37 | 4.47 | 6.11 | 6.36 | 12.25 | 3.50 | 6.36 | 7.51 |
| 29 | ISNIN | 13 | 4.37 | 4.47 | 6.12 | 6.36 | 12.25 | 3.51 | 6.36 | 7.52 |
| 30 | SELASA | 14 | 4.37 | 4.47 | 6.12 | 6.36 | 12.25 | 3.51 | 6.36 | 7.52 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 34 24 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Bangar | 33 25 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 34 24 °C | 33 24 °C | 33 24 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

24 JUN 2026

# Dukung belia ceburi bidang pertanian

**GOLONGAN** belia diseru agar lebih proaktif dan berani merebut peluang dalam bidang keusahawanan, khususnya melibatkan sektor pertanian yang mempunyai potensi besar untuk menjana pendapatan dan menyumbang kepada ekonomi setempat.

Belia digalakkan untuk menceburi bidang pertanian walaupun secara kecil-kecilan dan menghapuskan stigma negatif bahawa petani adalah pekerjaan untuk golongan bawah.

Penglibatan belia dalam bidang pertanian dan perikanan adalah sangat penting kerana golongan ini merupakan tonggak yang bakal menyambung dan menerajui kepimpinan kemajuan negara masa hadapan.

Sehubungan itu, pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam telah dan akan terus melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi menarik lebih banyak lagi penglibatan para belia dalam bidang berkenaan.

Sejak beberapa tahun yang lalu, melalui perlaksanaan program-program seperti program projek rintis pertanian, program pembesaran perusahaan, program pendedahan belia pertanian dan sebagainya, secara tidak langsung telah berjaya menarik penglibatan beberapa pengusaha belia dalam bidang pertanian, termasuk perikanan.

Belia yang pada masa ini sedang mencari pekerjaan adalah digalakkan untuk tampil ke hadapan dan menjadikan aktiviti perusahaan dalam bidang pertanian.

Ini sebagai salah satu bidang pilihan pekerjaan atau kerjaya tetap bagi menjana sumber pendapatan, dan dalam masa sama, turut menyumbang ke arah meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara, menjamin sekuriti makanan dan eksport.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tidak lama yang lalu telah mengungkayahkan Program Pendedahan Belia-belia Yang Berpotensi untuk Menceburi Bidang Pertanian Berteknologi Tinggi.

Program ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam mendukung Pelan Strategik Jabatan Pertanian dan Agrimakanan 2022-2030, yang berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan penglibatan belia dalam sektor pertanian.

Di samping itu, program ini bertujuan untuk mendedahkan perusahaan pertanian sebagai satu perniagaan yang menguntungkan, khususnya dalam bidang industri tanaman menggunakan sistem teknologi tinggi bagi meningkatkan hasil keluaran pertanian.

Dalam masa yang sama, program ini juga memberikan pendedahan yang meluas mengenai peluang-peluang pelaburan di bidang industri tanaman; simulasi kewangan bagi perusahaan pertanian menggunakan teknologi tinggi dan peluang-peluang pasaran di pasar raya tempatan.

Program ini juga memberikan fokus kepada beberapa sistem dan teknologi pengeluaran yang bersesuaian dengan kemampuan para peladang belia seperti sistem fertigasi dan sebagainya.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan antara lain berharap agar para peladang termasuk para belia ini nanti akan dapat melipat gandakan keluaran dan pendapatan mereka serta boleh berdikari, selanjutnya dapat menambah keluaran sehingga dapat menembusi pasar raya-pasar raya tempatan dan seterusnya menembusi pasaran eksport. – **Ketua Penyuntingan (Zk)**



pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتکن اوليه جابتن فنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio (kiri sekali dan kiri).**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 23 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap secara berasingan Ketua-ketua Perwakilan Asing yang akan menamatkan perkhidmatan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio yang telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 24 Mei 2022.

Baginda seterusnya berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke NBD, Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland yang telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga pada 24 Mei 2022.

Baginda kemudiannya berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke NBD, Tuan Yang Terutama Tran Anh Vu yang telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah DYMM pada 13 September 2023.

Majlis-majlis Mengadap tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman.







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke NBD, Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland (kiri sekali, kiri, dan bawah kiri).**







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke NBD, Tuan Yang Terutama Tran Anh Vu (atas kanan, kanan dan kanan sekali).**

PELITA BRUNEI

# DPMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP KETUA-KETUA PERWAKILAN ASING





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke NBD, Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland (kiri sekali dan kiri).**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 23 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, pagi tadi berkenan menerima mengadap secara berasingan Ketua - ketua Perwakilan Asing yang akan menamatkan perkhidmatan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio.

Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 24 Mei 2022.

Seterusnya, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke NBD, Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland.

Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 24 Mei 2022.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke NBD, Tuan Yang Terutama Tran Anh Vu.

Tuan Yang Terutama Tran Anh Vu telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 13 September 2023.

Majlis-majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Qashr Al-Meezan.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah juga berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke NBD, Tuan Yang Terutama Tran Anh Vu.**

# Membangunkan ekosistem makanan laut bersepadu



**YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi, dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Loji Pemprosesan Makanan Laut Gropoint berkenaan (atas dan bawah kanan).**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**>> Muka 1**

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Loji Pemprosesan Makanan Laut Gropoint berkenaan, Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Fasa pertama projek akan memberi tumpuan kepada pemprosesan tuna premium dan spesies makanan laut lain, termasuk pengeluaran tepung ikan dan minyak ikan. Kemudahan berkenaan akan dilengkapi dengan pusat pemprosesan, penyimpanan sejuk, makmal jaminan kualiti serta infrastruktur logistik yang mampu memproses sehingga 60 tan metrik makanan laut sehari atau kira-kira 20,400 tan metrik setahun.

Terletak di Serasa, yang berhampiran dengan Lautan Pasifik Barat dan Tengah, projek berkenaan memanfaatkan kedudukan strategik NBD untuk menjadi hab serantau bagi pendaratan tuna, pemprosesan makanan laut, logistik rantaian sejuk dan pengedaran antarabangsa.

Gropoint juga merancang untuk membangunkan rantaian nilai makanan laut yang lengkap merangkumi perikanan, akuakultur, penyelidikan, teknologi, pembungkusan dan pemasaran global.

Selain mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi dan menarik pelaburan baharu, projek berkenaan akan memastikan produk makanan laut NBD memenuhi piawaian antarabangsa seperti halal, Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP), Food and Drug Administration (FDA), European Union (EU) dan Brand Reputation through Compliance Global Standards (BRCGS).

Selaras dengan prinsip kemampanan, loji berkenaan akan mengamalkan pendekatan sifar sisa dengan menukarkan produk sampingan makanan laut kepada tepung ikan dan minyak ikan, sekali gus menyokong pembangunan bioekonomi marin dan industri hiliran yang bernilai tinggi pada masa hadapan.

Projek Loji Pemprosesan Makanan Laut Gropoint berpotensi menjadi pemangkin utama dalam menjadikan NBD sebagai pusat industri makanan laut yang berdaya saing di peringkat serantau dan antarabangsa, sambil menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Majlis pecah tanah hari ini bukan sahaja menandakan permulaan pembinaan tetapi juga permulaan visi jangka panjang untuk mengubah NBD menjadi pusat serantau bagi pemprosesan makanan laut premium dan penghubung penting dalam rantaian bekalan makanan laut global.

Melalui pelaburan strategik, kerjasama industri, inovasi dan pembangunan mampan, Gropoint komited untuk bekerjasama dengan kerajaan, rakan kongsi industri dan komuniti tempatan bagi membina ekosistem makanan laut bertaraf dunia bagi mewujudkan pekerjaan yang berkualiti, menarik pelaburan, memperkukuh keselamatan makanan dan memberikan nilai ekonomi yang berkekalan untuk NBD dan generasi akan datang.





# LBK 01/2026 MEMPERKUKUH SISTEM PENGURUSAN BENCANA NEGARA



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berucap.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**JERUDONG**, Selasa, 23 Jun. - Majlis Pembukaan Rasmi Latihan Bencana Kebangsaan (LBK) 01/2026 telah berlangsung pagi tadi di Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan perasmian majlis ialah Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan (MBK).

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali.

LBK 01/2026 dianjurkan bersama oleh Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat sebagai satu anjakan strategik ke arah memperkukuh sistem pengurusan bencana negara yang lebih tersusun, dinamik, selamat dan berdaya tahan tinggi. Keberhasilan siri latihan tersebut akan dijadikan penanda aras penting dalam menyokong aspirasi Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan dan keupayaan pengurusan bencana kebangsaan.

Sepanjang pelaksanaan latihan berkenaan, beberapa parameter utama akan diuji, antaranya Kerangka Pengaktifan Pasukan Pengurusan Krisis yang diselaraskan dengan pelbagai Prosedur Tetap Operasi (PTO) agensi di bawah payung Prosedur Tetap Operasi Kebangsaan (NaSOP) yang telah dikemas kini serta Rangka Kerja Dasar Strategik Pengurusan Bencana (Disaster Management Strategic Policy Framework - DMSPF).

Pendekatan bersepadu tersebut penting bagi memastikan setiap agensi tindak balas dapat bergerak secara sehaluan dan berkoordinasi, sekali gus mengurangkan kekangan operasi secara silo ketika menghadapi situasi kecemasan dan bencana sebenar.

Selain itu, LBK 01/2026 turut menjadi platform simulasi bagi menguji pelbagai pelan kontingensi utama negara, termasuk Pelan Respons Gegaran, Gempa Bumi dan Tsunami (GGT), Pelan Inventori Respons Bencana Kebangsaan (National Inventory Disaster Response Plan - NIDRP) serta Pelan Pengurusan Pusat Pemindahan Sementara Evakuasi (PPSe).

Bagi menggambarkan realiti krisis berskala besar, latihan tersebut juga akan menilai keberkesanan prosedur operasi kritikal yang melibatkan Pengurusan Insiden Mangsa Ramai (Mass Casualty Management), Pengecaman Identiti Mangsa Bencana (Disaster Victim Identification - DVI) serta pelan kelangsungan perkhidmatan yang melibatkan gangguan bekalan air, telekomunikasi dan rantaian bekalan tenaga negara.

Sebagai agenda kebangsaan yang berterusan, LBK akan dilaksanakan secara bersiri sepanjang tahun 2026.

Bagi siri pertama ini, seramai 300 peserta yang terdiri daripada wakil kementerian, jabatan kerajaan, sektor swasta dan agensi berkepentingan menyertai latihan berkenaan.

Penyertaan meluas daripada pelbagai pihak tersebut mencerminkan mobilisasi berskala besar dalam usaha memperkukuh sinergi dan kerjasama antara agensi ke arah mewujudkan sistem pengurusan bencana kebangsaan yang lebih inklusif, bersepadu dan berkesan.

Turut hadir ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Timbalan-timbalan Pengerusi Bersama MBK; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Ahli-ahli MBK; rakan strategik dari National Disaster Management Agency (NADMA) Malaysia serta para peserta LBK 01/2026.



ANTARA yang hadir pada Majlis Pembukaan Rasmi Latihan Bencana Kebangsaan (LBK) 01/2026.

# BIBD komited meningkatkan kesejahteraan komuniti, pembangunan sosial



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa hadir pada majlis penyerahan tersebut (atas dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam Berhad




**WASAN**, Selasa, 23 Jun. - Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) hari ini menyempurnakan majlis penyerahan sebuah rumah baharu yang dibina di bawah inisiatif Projek Teduh, mengukuhkan komitmen berterusan bank dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti dan membantu keluarga yang memerlukan melalui usaha pembangunan sosial yang mampan.

Majlis penyerahan tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Kumpulan BIBD.

Rumah baharu berkenaan diserahkan kepada penerima, iaitu Awang Razali bin Haji Akop.

Juga hadir, Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah, Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah bank, pihak pengurusan dan kakitangan BIBD, serta wakil dari agensi kerajaan dan organisasi sektor swasta.

Inisiatif tersebut menonjolkan komitmen BIBD untuk menyokong keutamaan nasional melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang berimpak dan mampan, bertujuan meningkatkan kualiti hidup dan mengukuhkan daya tahan sosioekonomi dalam kalangan komuniti setempat.

Kerja-kerja pembinaan rumah di Kampung Wasan telah bermula pada 11 April 2026 dan berjaya disiapkan pada 25 Mei 2026 melalui usaha kolektif pelbagai pihak berkepentingan.

Pencapaian berkenaan menonjolkan kekuatan perkongsian kolaboratif dalam menyampaikan hasil yang bermakna dan mencerminkan komitmen bersama terhadap sokongan kepada komuniti yang memerlukan.

Pelaksanaan Projek Teduh terus didorong oleh kerjasama erat antara BIBD, agensi kerajaan, rakan korporat, perniagaan, dan sukarelawan, yang berkongsi visi yang sama untuk membangunkan komuniti melalui tindakan kolektif.

Inisiatif ini mencerminkan pendekatan Whole - of - Nation, yang menekankan kepentingan kerjasama dan tanggungjawab bersama dalam menangani cabaran berkaitan kebajikan dan sosial.

Projek Teduh dibiayai melalui zakat perniagaan BIBD, mencerminkan komitmen bank dalam menyalurkan sumbernya ke arah impak sosial yang bermakna dan pembangunan komuniti.

Inisiatif ini turut disokong melalui sumbangan dari kakitangan BIBD, organisasi korporat, dan perniagaan yang berkongsi aspirasi yang sama dalam mengukuhkan kebajikan komuniti dan pembangunan sosial.

Usaha kolektif ini mengukuhkan semangat ihsan, kesukarelawanan, dan perpaduan, di samping mencerminkan nilai-nilai Maqasid Syariah dan etos BIBD sebagai 'Bruneian at Heart'.

Melalui Projek Teduh, BIBD dan rakan-rakannya kekal komited dalam menyokong usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memupuk pembangunan komuniti yang inklusif dan mampan.

PELITA BRUNEI

# Kementerian Pembangunan semarakkan Sambutan Ilal Hijrah

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan**



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat majlis di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan

**BERAKAS**, Isnin, 22 Jun. - Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 dan diselajurkan dengan Doa Kesyukuran Kepulangan Jemaah Haji Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohammad Yaakub; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Dayang Hajah Aldila binti Haji Mohammad Salleh; Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar; Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Atur cara dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah At-Taubah ayat 38 hingga 40 berserta tafsiran oleh pelajar-pelajar Tahun 2, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Bacaan ayat suci Al-Quran dimulakan oleh Awang Muhammad Nurhidayatullah Al-Mu'min bin Awang Rossnan, manakala tafsirannya dibacakan oleh Awang Nabil bin Haji Abdul Khamis.

Majlis sambutan seterusnya diisikan dengan Ceramah Khas sempena Ilal Hijrah 1448 bertajuk 'Menelusuri Hikmah Hijrah dan Kemabruran Haji Dalam Kehidupan Penjawat Awam' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Muhammad Fuad bin Matahir.

Awang Muhammad Fuad dalam ceramahnya antara lain mengingatkan kita kepada peristiwa Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sekadar perpindahan fizikal, malah merupakan simbol pergantungan mutlak kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang membuktikan pertolongan-Nya hadir sewaktu kesukaran.

"Kejayaan besar bermula daripada keyakinan, perancangan teliti, pengorbanan, dan kesabaran.

"Dalam konteks penjawat awam, nilai hijrah dan kemabruran haji menuntut transformasi diri serta peningkatan integriti, keikhlasan, dan tanggungjawab.

"Melalui hubungan yang kukuh dengan Allah, penjawat awam mampu membina daya tahan dan menjadi penyumbang kepada kemakmuran organisasi serta negara," tambahnya.

Acara kemudiannya disemarakkan dengan alunan Dikir Marhaban dan Doa Kesyukuran bagi meraikan 25 orang jemaah haji yang telah selamat kembali ke tanah air selepas menunaikan ibadah haji.



MAJLIS diisi dengan Ceramah Khas sempena Ilal Hijrah 1448 yang telah disampaikan oleh Penolong Pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Muhammad Fuad bin Matahir.

# KKBS SEMARAKKAN SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1448





YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar atas kanan, ceramah telah disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang. Sementara gambar bawah, majlis tersebut dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 22 Jun. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 hari ini bertempat di Dewan Digadong, Bangunan KKBS, di sini. Majlis tersebut dikelolakan oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.



Perisian majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Haji Ahmad Yaardy bin Haji Abdul Karim, diikuti dengan ceramah yang bertajuk 'Hijrah Penyelamat Aqidah' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban oleh Firqah Al-Falaah, Kumpulan Dikir KKBS bagi meraikan kepulangan para jemaah haji yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KKBS serta jabatan-jabatan di bawahnya dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Haji Ahmad Yaardy bin Haji Abdul Karim dan Selawat Tafrijiyyah serta Sayyidul Istighfar sebagai penutup majlis.

Hadir sama, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap KKBS; ketua-ketua jabatan serta pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.




Adapun tujuan majlis ini diadakan adalah untuk memperingati peristiwa agung Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari kota Mekah ke kota Madinah, di samping memupuk semangat perpaduan, mempererat ukhuwah dan mengukuhkan hubungan silaturahim antara warga KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

# PAKAR PENDIDIKAN BERPERANAN MEMBENTUK POTENSI, PENERAJU MEMBIMBING PELAJAR



YANG Berhormat Menteri Pendidikan ketika berucap.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUNGKU LINK**, Selasa, 23 Jun. – Pakar pendidikan merupakan arkitek yang membentuk potensi serta peneraju yang membimbing pelajar merentasi pelbagai landskap pembelajaran.

Seiring dengan cabaran pendidikan yang semakin kompleks, terdapat keperluan terhadap kepakaran yang lebih mendalam, pertimbangan profesional yang lebih mantap dan pengetahuan khusus turut meningkat.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menyatakan perkara itu semasa merasmikan Seminar Pakar Pendidikan Kali Ke-5, bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Jelas Yang Berhormat lagi, dalam ekosistem pendidikan yang semakin mengiktiraf keperluan dan bakat unik setiap kanak-kanak, peranan pakar pendidikan tidak pernah menjadi sepenting hari ini. Mereka mencetuskan cabaran yang membina, menyemarakkan minat, dan menghidupkan potensi yang mungkin selama ini terpendam.

Tambah Yang Berhormat lagi, sama ada memupuk bakat seorang pelukis muda, merungkai keajaiban sains, membimbing pelajar melalui cabaran emosi yang kompleks, atau menyediakan sokongan yang disesuaikan bagi memenuhi keperluan pembelajaran yang pelbagai, impak pakar pendidikan melangkaui bilik darjah.

"Para pakar merupakan jambatan yang menghubungkan realiti semasa seorang pelajar dengan segala kemungkinan tanpa batas yang mampu mereka capai. Namun demikian, impak besar yang dibawa oleh pakar pendidikan tidak dapat direalisasikan sepenuhnya secara bersendirian.

"Ia memerlukan komitmen dan usaha bersepadu daripada semua pihak berkepentingan dalam sistem pendidikan serta masyarakat secara keseluruhannya," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyeru kepada rakan-rakan pendidik dan para pentadbir, agar mengiktiraf, menghargai dan mengintegrasikan kepakaran khusus yang dibawa oleh para pakar berkenaan.

Jelas Yang Berhormat lagi, wujudkan persekitaran kolaborasi yang membolehkan pandangan mereka dirujuk, kepakaran mereka dimanfaatkan, dan sumbangan mereka diraikan.

# Memperkukuh kecemerlangan melalui pengkhususan bidang pendidikan



ANTARA yang hadir pada Seminar Pakar Pendidikan Kali Ke-5.

**TUNGKU LINK**, Selasa, 23 Jun. – Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik pada hari ini mengadakan Seminar Pakar Pendidikan Kali Ke-5 bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan tema 'Contemporary Specialisation in Educational Practices towards Education Excellence' dan sub-tema 'Empowering Excellence through Specialisation in Education'.

Seminar pada tahun ini telah dihadiri oleh kira-kira 313 peserta, dengan penyertaan 28 pakar pendidikan, 137 calon pakar pendidikan dalam kalangan tenaga pengajar sekolah-sekolah rendah, menengah dan pusat tingkatan enam, serta 148 pemimpin sekolah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan seminar berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras); Timbalan - Timbalan Setiausaha Tetap; dan ketua-ketua jabatan, serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

Pengarah Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah selaku Pengerusi Jawatankuasa Seminar Pakar Pendidikan Kali Ke-5 Tahun 2026 dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan mengenaiseminar berkenaan yang amat signifikan kerana menghimpunkan para pendidik, pemimpin dan pihak-pihak yang berkepentingan untuk berkongsi komitmen yang sama dalam memperkukuh kecemerlangan melalui pengkhususan dalam bidang pendidikan.

Jelasnya lagi, tuntutan yang dihadapi oleh sistem pendidikan pada masa kini semakin kompleks dan dalam persekitaran sebegini, golongan profesional yang memiliki kepakaran mendalam amat diperlukan untuk menerajui penambahbaikan, mempengaruhi amalan, menjana penyelesaian serta menyumbang dalam bidang-bidang yang kritikal kepada kejayaan pendidikan. Dalam konteks ini, Laluan Kerjaya Pakar Pendidikan (Education Specialist Career Pathway) diwujudkan.

Majlis diteruskan lagi dengan sesi ucaptama bertajuk 'Empowering Excellence : Nurturing Talent, Leadership and Specialisation in Education' yang disampaikan oleh Presiden Human Resource Society Brunei (HRS), Dayang Hajah Zainab binti Haji M.A. Omar.

Ucaptama berkenaan menekankan kepentingan pembangunan kepakaran, pemerkasaan kepimpinan serta peranan strategik pakar pendidikan dalam memperkukuh sistem pendidikan dan memacu kecemerlangan pendidikan.

Sesi pagi seminar diakhiri dengan sesi Learning Circle bersama penyampai ucaptama yang memberi peluang kepada para peserta untuk mendalami tajuk yang dibentangkan melalui sesi perbincangan dan soal jawab secara interaktif.

Antara objektif Seminar Pakar Pendidikan pada tahun ini ialah untuk memperkukuh identiti profesional pakar pendidikan sebagai pengamal pendidikan di peringkat sistem yang menyumbang melangkaui bilik darjah; dan membina kapasiti kepimpinan dalam kalangan pakar pendidikan untuk mempengaruhi amalan, dasar dan inovasi dalam bidang kepakaran masing-masing.

Sementara itu, bagi sesi petang, seminar diteruskan dengan segmen khas 'InsighTED : Specialist Voices Igniting Ideas, Inspiring Action', iaitu sebuah pendekatan inovatif yang menggabungkan perkongsian gaya Ignite-Talk dengan dialog berstruktur yang menampilkan tiga pakar pendidikan untuk berkongsi pengalaman, refleksi dan idea berimpak berdasarkan perjalanan profesional mereka dalam melaksanakan peranan sebagai pakar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi sesi petang, Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Segmen berkenaan bertujuan untuk memperkukuh kefahaman mengenai peranan pakar pendidikan sebagai agen perubahan, menterjemahkan kepakaran kepada amalan yang berimpak, menggalakkan perkongsian merentas bidang kepakaran serta mencetuskan idea dan tindakan yang boleh dilaksanakan di peringkat sekolah dan sistem.

Segmen InsighTED turut menampilkan dialog panel bertajuk 'From Insight to Action – Translating Specialisation into Education Excellence' yang menghimpunkan enam pakar pendidikan daripada pelbagai bidang kepakaran untuk berkongsi pandangan, pengalaman dan amalan terbaik dalam menterjemahkan kepakaran kepada tindakan yang berimpak.

Dialog panel berkenaan memberi peluang kepada para peserta untuk meneroka bagaimana kepakaran dapat dimanfaatkan bagi menyumbang kepada kecemerlangan pendidikan dan penambahbaikan berterusan di peringkat sekolah serta sistem pendidikan negara. Selain itu, sesi petang turut diisikan dengan bengkel Practicing Personal Mastery yang dikendalikan oleh penyampai ucaptama.

Seminar pakar pendidikan



PENGARAH Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah semasa berucap.

merupakan platform tahunan yang menghimpunkan pakar pendidikan, calon pakar pendidikan dan pihak-pihak berkepentingan bagi berkongsi amalan terbaik, memperkukuh jaringan profesional serta meneroka pendekatan baharu dalam meningkatkan kecemerlangan pendidikan melalui bidang-bidang kepakaran yang pelbagai.

Seminar berkenaan juga mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Pendidikan dalam membangunkan dan memperkasa peranan pakar pendidikan bagi menyokong kecemerlangan, inovasi dan penambahbaikan berterusan dalam sistem pendidikan negara.



# YSHHB SALURKAN SUMBANGAN, TAJAAN BERJUMLAH BND69,736



YANG Mulia Timbalan Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima (atas dan bawah).



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 23 Jun. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hari ini menyampaikan sumbangan dan tajaan keseluruhannya berjumlah BND69,736 kepada para penerima yang terdiri daripada mangsa kebakaran, institusi pendidikan, masjid serta surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Majlis penyampaian sumbangan diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks YSHHB, di ibu negara.

Penyampaian sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak BND8,750 disalurkan kepada tiga keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah di beberapa kampung di seluruh negara bagi membantu meringankan beban mereka meneruskan kehidupan seharian.

Penerima sumbangan berkenaan ialah Awang Abdul Rahman bin Haji Kadir dari Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan; Dayang Sunah binti Dullah dari RPN Kampung Rimba; dan Dayang Hajah Noorfizahwati binti Haji Bujang Ismail dari Kampung Serambangun, Tutong.

Selain itu, YSHHB turut menyampaikan sumbangan dan tajaan kepada beberapa pihak bagi menyokong pelaksanaan program keagamaan, kemasyarakatan dan pendidikan.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima tajaan sebanyak BND6,855 bagi menganjurkan Persidangan Antarabangsa Khidmat Masyarakat dan Pemerkasaan Komuniti yang dijadualkan berlangsung pada 6 dan 7 Julai depan.

Tajaan tersebut diterima oleh Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad.

Sementara itu, Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong menerima sumbangan BND5,000 bagi mengendalikan Majlis Sambutan Ulang Tahun Jubli Intan Ke-60, manakala Masjid Kampung Mentiri menerima sumbangan BND9,340 untuk penggantian karpet masjid.

Sumbangan berkenaan masing-masing diterima oleh Ketua Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin, dan Ketua Imam Masjid Kampung Mentiri, Awang Haji Mohammad Taufiq bin Haji Abdul Rahman.

Dalam usaha menyokong peranan masjid dan memberikan kemudahan kepada masyarakat khususnya dalam urusan hal ehwal kematian, YSHHB turut memberikan sumbangan kewangan berjumlah BND39,791 kepada 67 buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Sumbangan ini adalah berupa set kelengkapan peralatan penyempurnaan jenazah.

Kesemua sumbangan berkenaan diserahkan kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid di keempat-empat daerah.

Penubuhan YSHHB ialah sebagai wadah amal jariah dan derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta ahli kerabat baginda, sebagai tanda pemedulian dan kasih sayang baginda terhadap rakyat serta ke arah pembentukan masyarakat Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

## HALUAN

>> Muka 2

Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah akan diadakan secara serentak di masjid dan balai-balai ibadat yang lain di seluruh negara pada Selasa iaitu Malam Rabu, 14 Julai 2026 seperti berikut, di Masjid Jamalul Alam, Kuala Belait, Daerah Belait dan tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi; di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Daerah Tutong dan tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong dan tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Menteri Pembangunan. InsyaAllah jika tetamu-tetamu kehormat tersebut ada yang berhalangan, maka menteri-menteri yang berkelapangan akan dijemput sebagai pengganti.

Disembahkan dan dimaklumkan bahawa atur cara di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah Kampung Kiarong akan dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Doa Kesyukuran; Istiadat Barisan Kehormatan akan diadakan pada Rabu, 15 Julai 2026 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, BSB; Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan NBD akan diadakan pada Rabu, 15 Julai 2026 bertempat di Istana Nurul Iman iaitu selepas sahaja selesainya acara Istiadat Barisan Kehormatan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, BSB; Majlis Persantapan Diraja akan diadakan pada Khamis iaitu Malam Jumaat, 16 Julai 2026 bertempat di Istana Nurul Iman.

Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Cenderamata Kepada Anak-anak Damit Yang Lahir Pada 15 Julai 2026 akan diadakan pada Khamis, 16 Julai 2026 seperti berikut, di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, BSB dan tetamu kehormat ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; di Jerudong Park Medical Centre, BSB dan tetamu kehormat ialah isteri Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, Daerah Belait dan tetamu kehormat ialah isteri Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Majlis Persantapan Uniform akan diadakan pada Sabtu iaitu Malam Ahad, 25 Julai 2026 bertempat di Istana Nurul Iman. Bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di keempat-empat daerah, di Daerah Tutong InsyaAllah akan diadakan pada Rabu, 22 Julai 2026 bertempat di Kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Tutong; di DBM akan diadakan pada Rabu, 29 Julai 2026 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, BSB; di Daerah Belait InsyaAllah akan diadakan pada Sabtu, 1 Ogos 2026 bertempat di Kawasan Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait dan di Daerah Temburong InsyaAllah akan diadakan pada Selasa, 4 Ogos 2026 bertempat di Kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Manakala, Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara akan diadakan pada Khamis, 6 Ogos 2026 bertempat di Istana Nurul Iman. Alhamdulillah, Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam telah diadakan di keempat-empat buah daerah secara serentak pada Khamis, 2 April 2026 seperti berikut, di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, DBM telah dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Di Masjid Jamalul Alam, Kuala Belait, Daerah Belait telah dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Daerah Tutong telah dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong telah dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Majlis Pemantauan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam di keempat-empat buah daerah akan diadakan pada Khamis, 11 Jun 2026 di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, DBM akan dihadiri oleh Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Daerah Belait akan dihadiri oleh Yang Mulia Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, akan dihadiri oleh Yang Mulia Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong akan dihadiri oleh Yang Mulia Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) JPM.

Akhir sekali, Upacara Penurunan Bendera Besar NBD InsyaAllah akan diadakan pada Sabtu, 8 Ogos 2026 bertempat di Kawasan Lapang Kompleks YSHHB, BSB, di mana tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Alhamdulillah, beberapa siri perbincangan awal telah diadakan sama ada di peringkat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Pandu dalam membuat persediaan awal dalam memastikan kelancaran acara-acara yang akan diungkayahkan nanti. Antara perkara yang telah dan sedang dilaksanakan adalah termasuk kerja-kerja pembaikan bagi separuh lagi kawasan padang Taman Sir Muda Haji Omar 'Ali Saifuddien yang melibatkan penanaman semula rumput menggunakan kaedah *hydroseeding* dan Penaiktarafan Pentas Diraja / Royal Dais di ketiga-tiga buah daerah (Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong).

Dalam masa yang sama, persediaan bagi menyerikan kawasan pusat bandar turut diberi perhatian, termasuk penyediaan awal reka bentuk kain rentang utama, pintu gerbang, *vertical banner* dan elemen hiasan lain yang berkaitan. Perkara ini penting bukan sahaja bagi menyemarakkan suasana sambutan, tetapi juga bagi memastikan imej perayaan negara ditampilkan secara teratur, kemas dan bersesuaian dengan kedudukan acara. InsyaAllah, dalam agenda ketiga nanti laporan perkembangan persediaan dan persiapan mengenai perkara ini akan disampaikan oleh Yang Mulia Awang Abdul Walid bin Haji Matassan, Setiausaha Tetap, Perbandaran dan Daerah, KHEDN dan seterusnya untuk dibincangkan termasuklah jika ada perkara-perkara yang mungkin berbangkit mengenainya.

Dikongsikan juga bahawa penyediaan Buku Dirgahayu sedang berjalan mengikut garis masa yang telah ditetapkan. Perkara ini akan terus dipantau dari segi kandungan, reka bentuk, ketepatan fakta, kualiti penerbitan dan pematuhan kepada garis masa yang telah ditetapkan. Alhamdulillah draf pertama buku Dirgahayu telah pun disembahkan Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan telah mendapat titah nasihat mengenainya.

InsyaAllah, dengan adanya percambahan buah fikiran, cadangan yang bernas berdasarkan pengalaman-pengalaman yang sedia ada, serta komitmen dari semua pihak, acara-acara yang dirancangkan akan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, sempurna dan bersesuaian dengan hasrat menjunjung kemuliaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM yang Ke-80 tahun.

Akhir kalam, peramba, kaola, saya selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Yang Ke-80 pada Tahun 2026, menyembahkan junjung kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa yang hadir di mesyuarat pada petang ini. Semoga segala usaha dan kerjasama yang diberikan akan menjadi sumbangan bermakna dalam sama-sama menyemarak, memperkemas dan mempertingkatkan mutu Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Yang Ke-80 bagi Tahun 2026.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# TINGKATKAN KEPIMPINAN PROFESIONAL, KERJASAMA RENTASI RANTAU INDO-PASIFIK




**PEMERINTAH ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan semasa sesi bergambar ramai Program Pertukaran Pakar Bidang Antara Pemimpin Kanan Pangkat Bawah Rantau Indo-Pasifik Edisi Ke-26-1 (IPSEL SMEE 26-1).**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**GADONG**, Selasa, 23 Jun. - Pusat Kajian Keselamatan Asia-Pasifik Daniel K. Inouye (DKI APCSS) hari ini menjadi tuan rumah bagi Program Pertukaran Pakar Bidang Antara Pemimpin Kanan Pangkat Bawah Rantau Indo-Pasifik Edisi Ke-26-1 (IPSEL SMEE 26-1), dengan kerjasama Komando Rantau Indo-Pasifik Amerika Syarikat (INDOPACOM) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Program berkenaan diadakan bermula 22 hingga 27 Jun 2026, di The Rizqun International Hotel, di sini.

Pertemuan pendidikan dan perkongsian kepakaran ini menghimpunkan kira-kira 100 orang pemimpin kanan pangkat bawah dari seluruh rantau ini berhimpun untuk mengeratkan hubungan serta meningkatkan kerjasama secara praktikal.

Program IPSEL SMEE 26-1 ini juga merupakan julung kali diadakan di rantau Indo-Pasifik, yang mencerminkan semangat kebersamaan, perkongsian tanggungjawab, dan kerjasama yang semakin berkembang dalam kalangan negara-negara peserta.

Sementara itu, NBD sebagai tuan rumah untuk mengesahkan kepentingan kepimpinan serantau dan tanggungjawab bersama dalam menangani cabaran keselamatan masa kini.

Program ini juga menekankan peranan DKI APCSS sebagai wadah kerjasama pertahanan Amerika Syarikat yang paling lama terjalin di NBD.

Para peserta akan disambut secara rasmi oleh Pengarah DKI APCSS, Mejar Jeneral (B) Suzy Vares-Lum; Ketua Kanan Pangkat Bawah Komando Rantau Indo-Pasifik Amerika Syarikat, Sarjan Mejar Eric Cook, dan Mejar Kanan ABDB, Pegawai Waran I Rozain bin Haji Pungut.

Mereka akan bersama-sama menekankan nilai penting hubungan saling percaya serta pertukaran kepakaran profesional dalam kalangan pemimpin kanan pangkat bawah.

Pertukaran ini dirasmikan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, yang turut menegaskan betapa pentingnya hubungan rakan kongsi yang saling percaya, kepimpinan profesional, dan kerjasama yang kukuh merentasi rantau Indo-Pasifik.

Manakala itu, pemimpin kanan pangkat bawah diiktiraf secara meluas sebagai penghubung utama dalam struktur organisasi di seluruh rantau Indo-Pasifik.

Program IPSEL SMEE 26-1 menyediakan ruang yang khusus untuk golongan berkenaan berkongsi pelbagai pandangan dan pengalaman profesional, serta pengajaran yang boleh diamalkan untuk membina tenaga angkatan yang tabah dan berkesan.

Kepimpinan golongan pangkat bawah masa kini bukan sahaja memberi sumbangan besar terhadap kesiapsiagaan pasukan secara segera, malah turut menyokong perpaduan strategik jangka panjang dan kerjasama pelbagai negara.

Sepanjang berlangsungnya program ini, perbincangan akan menekankan peranan penting yang dimainkan oleh pemimpin pangkat bawah dalam membina kepercayaan serta keupayaan bekerjasama dalam persekitaran keselamatan yang rumit dan pelbagai.

Dalam masa yang sama, pertukaran pandangan ini disertai kira-kira 90 hingga 100 orang wakil terdiri daripada NBD, Kanada, Colombia, Republik Indonesia, Jepun, Mexico, Mongolia, New Zealand, Papua New Guinea, Republik Filipina, Fiji, Republik Singapura, Sri Lanka, Thailand, Republik Demokratik Timor-Leste, Tonga, United Kingdom, dan Amerika Syarikat.

Acara itu diserikan lagi dengan kehadiran penceramah jemputan yang pakar dalam bidang masing-masing, antaranya Catherine Simons dari INDOPACOM, yang akan bertindak sebagai ketua seminar dan pakar hal ehwal rantau Lautan Pasifik dan Selatan; serta Dr. Namrata Goswami, yang akan menyampaikan syarahan khas mengenai aspek penyatuan dan keselamatan ruang angkasa lepas.

Untuk maklumat lanjut mengenai DKI APCSS serta program-programnya, bolehlah melayari laman sesawang rasmi DKI APCSS: *https://dkiapcss.edu/*.

# Sentiasa istiqamah dalam memperkukuhkan akidah

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**





**TIMBALAN Pesuruhjaya Polis Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 dan Doa Kesyukuran bagi Jemaah Haji PPDB yang dikendalikan oleh Badan Ugama Islam, PPDB, di Surau Polis Gadong (atas dan kiri). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

**GADONG**, Isnin, 22 Jun. - Badan Ugama Islam, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengendalikan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 diselajurkan dengan Doa Kesyukuran bagi Jemaah Haji PPDB di Surau Polis Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.



Atur cara diserikan dengan ceramah bertajuk 'Hijrah Wira Bertakwa: Memperkukuh Akidah dan Memperkasa Sahsiah' yang disampaikan oleh penceramah undangan Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian.

**CERAMAH disampaikan oleh penceramah undangan Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian.**

Awang Muhammad Safwan dalam ceramahnya antara lain menjelaskan mengenai hakikat penghijrahan diri sebagai satu proses perubahan berterusan ke arah menjadi insan yang lebih bertakwa, berintegriti dan berakhlak mulia.

Berinspirasikan perjalanan hijrah baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, beliau seterusnya menerangkan bahawa kejayaan sebenar bermula dengan pemerkukuhan akidah, pembinaan hati yang bersih serta pembentukan sahsiah yang unggul.

Beliau seterusnya mengajak warga pasukan beruniform dan penjawat awam, untuk menjadi 'Wira Bertakwa' yang bukan sahaja cemerlang dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab, bahkan sentiasa istiqamah dalam memperkukuhkan akidah, memperkasa sahsiah dan meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Acara diteruskan dengan Dikir Marhaban bagi meraikan jemaah haji PPDB, dan penyampaian cenderamata penghargaan kepada penceramah jemputan, diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran bagi kepulangan jemaah haji PPDB.

Juga hadir, pengarah-pengarah, timbalan pengarah, pegawai - pegawai kanan, pegawai-pegawai, keanggotaan dan kakitangan awam PPDB.



PELITA BRUNEI

# MEMPERKASA BUDAYA MEMBACA DALAM KALANGAN BELIA



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan sesi perasmian Sudut Bacaan Pelita Minda di Surau IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal.**

**Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 23 Jun. – Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan telah mengadakan Majlis Perasmian Sudut Bacaan Pelita Minda di Surau Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Sultan Saiful Rijal, pagi tadi.

Sudut Bacaan berkenaan merupakan salah satu perkhidmatan yang ditawarkan oleh DBP melalui Bahagian Perpustakaan sebagai usaha untuk memupuk minat membaca dan cintakan buku dalam kalangan orang awam.

Penempatan Sudut Bacaan berkenaan bertujuan untuk menyediakan ruang pembelajaran tidak formal, memperkasa budaya membaca dalam kalangan belia serta menyokong pembangunan intelektual, sahsiah dan pemikiran kritis generasi muda selaras dengan keperluan semasa.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan perasmian Sudut Bacaan berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Terdahulu, Ketua Imam Surau IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal, Awang Mohammad Khairul Anwaar bin Rudyratno dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan penubuhan Sudut Bacaan Pelita Minda berkenaan merupakan satu usaha murni untuk menjadikan surau bukan sahaja sebagai tempat beribadah, bahkan sebagai pusat penyebaran ilmu dan pembentukan masyarakat yang berilmu, berakhlak dan berwawasan.

Menurutnya lagi, hal berkenaan sekali gus akan menjadi wadah yang bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat, khususnya para belia dan jemaah dalam memperkukuh budaya membaca serta menimba ilmu pengetahuan.

Di samping itu, Awang Mohammad Khairul Anwaar juga menaruh harapan agar kewujudan Sudut Bacaan Pelita Minda berkenaan akan dapat menjadi pemangkin kepada budaya membaca dan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat.

"Semoga ia menjadi tempat yang melahirkan generasi yang cintakan ilmu, berfikiran kritis serta sentiasa mendekatkan diri kepada Allah melalui pembacaan dan penghayatan ilmu yang bermanfaat," ujarnya lagi.

Dalam pada itu, sebuah tazkirah khas bertajuk 'Membaca Pelita Minda' turut menjadi salah satu pengisian menarik sejurus sesi perasmian Sudut Bacaan berkenaan yang disampaikan oleh Penolong Ra'es III (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.

Sudut Bacaan Pelita Minda di Surau IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal berkenaan menyediakan pelbagai genre bahan bacaan yang bersesuaian, iaitu sebanyak 500 buah buku dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang merangkumi pelbagai bidang seperti pengetahuan am, pembangunan kendiri, kemahiran hidup, keusahawanan, kreativiti serta bahan bacaan santai yang sesuai dengan minat dan keperluan belia.

Bahan bacaan yang disediakan akan ditukar setiap tiga bulan mengikut keperluan dan permintaan Surau IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal bagi memastikan koleksi sentiasa relevan dan menarik.

Setakat ini, DBP mempunyai tujuh Sudut Bacaan di seluruh negara, iaitu Sudut Bacaan Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi, Sudut Bacaan Teratak Setiawan, Sudut Bacaan Eat's Hot, Sudut Bacaan PKWE Lambak, Sudut Bacaan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Sudut Bacaan Pusat Belia, dan Sudut Bacaan Pelita Minda.




# Memperkukuh infrastruktur kawal selia dalam aspek keselamatan radiasi, sekuriti nuklear



**KETUA Pegawai Eksekutif Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Misi Nasihat Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) mengenai Infrastruktur Kawal Selia bagi Keselamatan Radiasi dan Sekuriti Nuklear (RISS) yang berlangsung di Mulia Hotel.**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BERAKAS**, Isnin, 22 Jun. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) hari ini telah menjadi tuan rumah pada Majlis Pembukaan Misi Nasihat Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) mengenai Infrastruktur Kawal Selia bagi Keselamatan Radiasi dan Sekuriti Nuklear (RISS), yang menandakan satu pencapaian penting dalam usaha berterusan Negara Brunei Darussalam (NBD) memperkukuh rangka kerja kawal selia kebangsaan bagi keselamatan radiasi dan sekuriti nuklear.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Mulia Hotel, di sini, ialah Ketua Pegawai Eksekutif SHENA, Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad.

Dalam ucapannya, Awang Haji Muhsin menekankan bahawa misi RISS ini merupakan satu peluang berharga bagi NBD untuk membuat perbandingan penanda aras terhadap susunan kawal selianya berdasarkan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa, di samping mengenal pasti ruang penambahbaikan lanjut.

"Seiring dengan perkembangan penggunaan teknologi nuklear dan radiasi dalam sektor kesihatan, pertanian, industri dan penyelidikan, adalah penting agar kemajuan ini disokong oleh rangka kerja kawal selia yang kukuh, selamat, terjamin dan mampan," tambahnya.

Majlis pembukaan tersebut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan daripada SHENA, wakil-wakil daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan serta Ahli-ahli IAEA RISS.

Misi selama lima hari ini, yang berlangsung dari 22 hingga 26 Jun 2026, menghimpunkan pakar antarabangsa daripada IAEA serta pihak berkepentingan negara bagi menilai dan memberikan infrastruktur kawal selia NBD dalam aspek keselamatan radiasi dan sekuriti bahan radioaktif.

Misi RISS ini berfungsi sebagai satu latihan penanda aras dan nasihat yang dilaksanakan berdasarkan piawaian dan panduan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, termasuk piawaian keselamatan IAEA serta Tatakelakuan mengenai Keselamatan dan Sekuriti Sumber Radioaktif.

Penemuan daripada misi ini akan menyokong NBD dalam usaha memperkukuhkan serta menyelaraskan rangka kerja kawal selianya dengan amalan terbaik antarabangsa, di samping mengenal pasti peluang bagi penambahbaikan berterusan.

Sepanjang misi ini, pasukan RISS IAEA mengendalikan seminar berkaitan keselamatan radiasi dan sekuriti bahan radioaktif, mengadakan perbincangan teknikal bersama agensi-agensi kebangsaan yang berkaitan, serta melaksanakan lawatan tapak ke fasiliti yang terlibat dalam keselamatan radiasi dan perkhidmatan teknikal berkaitan.

Misi ini akan diakhiri dengan pembentangan laporan awal yang menggariskan pemerhatian utama, syor serta pelan tindakan yang dicadangkan.

Misi ini mencerminkan kemajuan berterusan NBD dalam memperkukuh keupayaan kebangsaan dalam bidang keselamatan radiasi dan sekuriti nuklear. Pada Oktober 2024, NBD telah menyatakan komitmen politiknya secara rasmi kepada Tatakelakuan IAEA mengenai Keselamatan dan Sekuriti Sumber Radioaktif serta dokumen panduan tambahannya.

Berdasarkan komitmen tersebut, NBD telah mentauliahkan Sistem Pemantauan Radiasi Alam Sekitar Amaran Awal yang pertama serta melancarkan Makmal Perkhidmatan Dosimetri Radiasi pada April 2025.

Inisiatif - inisiatif ini telah memperkukuh keupayaan kebangsaan dalam pemantauan radiasi alam sekitar, perlindungan radiasi pekerjaan serta kesiapsiagaan dan tindak balas kecemasan radiologi.

Kemajuan ini terus diperkukuh melalui pelaksanaan sistem pemantauan udara dan air khusus, di samping penubuhan Makmal Pensampelan dan Analisis Radiasi yang mula beroperasi pada Februari 2026 dengan kerjasama Universiti Teknologi Brunei.

Terkini, NBD turut menyertai Asian Nuclear Safety Network (ANSN), sekali gus memperkukuh kerjasama serantau melalui perkongsian pengetahuan, kepakaran teknikal dan pengalaman kawal selia.

Sebagai sebahagian daripada usaha menyeluruh untuk memperkukuh rejim keselamatan nuklear kebangsaan, Jawatankuasa Kerja Kebangsaan mengenai Perkara Radiasi dan Nuklear (JKRN) telah ditubuhkan pada tahun 2024 di bawah Jawatankuasa Kebangsaan Kimia, Biologi, Radiologi, Nuklear dan Bahan Letupan (CBRNe).

Jawatankuasa ini berfungsi sebagai platform antara agensi bagi menyelaras perkara-perkara berkaitan keselamatan radiasi dan sekuriti nuklear di peringkat kebangsaan. SHENA turut merakamkan penghargaan kepada IAEA dan pasukan RISS atas sokongan, kepakaran dan kerjasama yang berterusan.

SHENA menantikan penemuan serta cadangan daripada misi ini yang akan menyumbang kepada penambahbaikan berterusan rangka kerja keselamatan radiasi dan sekuriti nuklear NBD.

# Adakah Sah Akad Wakaf Tanpa Qabul?

ارشاد حكوم

IRSYAD HUKUM

جابتن مفتي كرجاءن

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

***(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)***

**SHIGHAH** adalah sesuatu yang menzahirkan kemahuan, sama ada berupa lafaz (ucapan) atau sesuatu yang menggantikan lafaz seperti tulisan atau isyarat. *Shighah* terdiri dari *ijab* (penawaran) dan *qabul* (penerimaan). Dalam perkara wakaf, *shighah* merupakan salah satu daripada rukun wakaf. Oleh itu sekiranya seseorang hendak berwakaf sesuatu kepada seseorang, maka disyaratkan ada *ijab* daripada pewakaf. Sebagai contoh pewakaf berkata : "Saya wakafkan rumah ini untuk Zaid" atau "Tanah saya ini, saya jadikan wakaf untuknya".

Namun timbul persoalan, jika penerima wakaf tidak menyatakan *qabul* (penerimaan wakaf) apabila seseorang berwakaf kepadanya, adakah akad wakaf itu dihukumkan sah? Berikut penjelasan mengenainya.

Perlu diketahui bahawa penerima wakaf terbahagi kepada dua, iaitu penerima wakaf yang ditentukan dan penerima wakaf yang tidak ditentukan.

Maksud penerima wakaf yang ditentukan ialah seorang individu atau sekumpulan orang yang ditentukan secara khusus sama ada dengan menyebut nama atau sifat mereka untuk menerima manfaat harta wakaf. Sebagai contoh pewakaf berkata kepada seorang penerima wakaf : "Saya wakafkan rumah ini kepada Ahmad" atau pewakaf berkata kepada sekumpulan penerima wakaf : "Saya berwakaf rumah ini kepada Ahmad, Ali dan Umar" atau pewakaf berkata kepada penerima wakaf tertentu dengan menyebut sifatnya : "Saya berwakaf rumah ini kepada anak-anak Ahmad yang fakir".

Manakala maksud penerima wakaf yang tidak ditentukan ialah penerima yang hanya dinamakan secara umum seperti masjid, orang-orang fakir, para ulama, penuntut ilmu, orang-orang miskin, orang-orang yang mengerjakan haji, para mujahidin, para guru dan yang selainnya.

Berbalik kepada persoalan mengenai *qabul* penerima wakaf, para ulama antaranya Imam Ibn Hajar al-Haitami, Imam ar-Ramli dan asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahumullah* menjelaskan bahawa *qabul* adalah menjadi syarat jika penerima wakaf itu ditentukan. Asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj menyebut :

**Ertinya** : *Dan (menurut) pendapat al-ashah bahawa wakaf ke atas (penerima) yang ditentukan disyaratkan padanya qabul (penerimaannya) yang bersambung dengan ijab (pewakaf) sekiranya dia (penerima) termasuk dalam kalangan orang yang berkelayakan menerima (wakaf). Sekiranya dia tidak (berkelayakan seperti belum mukallaf), maka walinya (menerima bagi pihaknya) sebagaimana (qabul dalam) hibah dan wasiat.*

Adapun waktu untuk penerima wakaf menyatakan *qabul* pula ialah sebaik sahaja *ijab* pewakaf atau sebaik sahaja berita wakaf sampai kepada penerima wakaf sebagaimana disebut oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj, katanya :

**Ertinya** : *Dan (menurut) pendapat al-ashah bahawa wakaf ke atas (penerima) yang ditentukan (sama ada) individu atau kumpulan disyaratkan padanya qabul (penerimaannya) sekiranya dia (penerima) berkelayakan (menerima wakaf). Sekiranya dia tidak (berkelayakan), maka walinya (menerima bagi pihaknya) sebaik sahaja ijab atau sampai khabar (wakaf kepada penerima wakaf) sebagaimana hibah.*

Dalam perkara penerimaan wakaf, penerima wakaf berhak ke atas wakaf itu dengan pilihannya sendiri, bukan kerana paksaan untuk menerima wakaf tersebut. Apabila penerima wakaf yang ditentukan itu menolak wakaf tersebut, maka batal haknya. Demikian juga sekiranya dia diam dan tidak menerima, maka batal wakafnya. Sekiranya dia menarik kembali penolakannya iaitu dia ingin menerima wakaf setelah menolaknya, maka haknya ke atas wakaf tersebut tidak akan kembali.

Sekiranya penerima wakaf yang ditentukan itu merupakan penerima kedua atau ketiga, maka menurut Imam as-Subki *Rahimahullah* yang dinukil dalam kitab Mughni al-Muhtaj bahawa dapat disimpulkan dari perkataan Imam asy-Syafi'i *Rahimahullah* dan para pengikutnya bahawa tidak disyaratkan *qabul* dari penerima wakaf kedua dan ketiga yang ditentukan pewakaf sebagaimana disyaratkan *qabul* kepada penerima wakaf pertama wakaf yang ditentukan. Sebagai contoh, pewakaf berkata : "Saya berwakaf barang ini kepada Zaid kemudian kepada anak-anaknya", maka disyaratkan *qabul* daripada penerima wakaf pertama iaitu Zaid sahaja. Adapun penerima wakaf kedua tidak disyaratkan *qabul* kerana hak mereka ke atas wakaf tersebut bersambung dari penerima wakaf pertama. Namun disyaratkan mereka tidak menolak wakaf tersebut. Sekiranya mereka menolak, maka wakaf tersebut terputus dan mereka tidak berhak lagi ke atas wakaf tersebut. Dalam keadaan ini, pemanfaatan wakaf tersebut berpindah kepada kerabat pewakaf yang fakir dan tidak mewarisi harta pusakanya atau mana-mana fakir miskin atau disalurkan ke jalan-jalan kebajikan.

Manakala sekiranya *ijab* pewakaf tidak menentukan penerima wakaf secara khusus sebagai contoh dia berwakaf sesuatu kepada orang-orang fakir atau kepada masjid, maka tidak disyaratkan *qabul* dari penerima wakaf kerana mensyaratkan *qabul* dari pihak mereka ini tidak mudah untuk dilaksanakan sebagaimana disebut oleh asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitab Mughni al-Muhtaj, katanya :

**Ertinya** : *Adapun wakaf kepada pihak umum seperti orang-orang fakir atau kepada masjid atau selainnya, maka tidak disyaratkan padanya qabul secara pasti kerana kesukarannya.*

Berdasarkan penjelasan di atas, sekiranya penerima wakaf itu terdiri daripada seorang yang ditentukan pewakaf atau kumpulan yang ditentukan pewakaf, maka disyaratkan *qabul* dari penerima wakaf tersebut. Sekiranya tidak ada *qabul* dari penerima wakaf yang ditentukan itu, maka tidak sah wakaf tersebut kerana *qabul* daripada penerima wakaf yang ditentukan adalah salah satu rukun wakaf. Namun sekiranya penerima wakaf itu tidak ditentukan pewakaf, maka tidak disyaratkan qabul dari penerima wakaf.

**DALAM perkara penerimaan wakaf, penerima wakaf berhak ke atas wakaf itu dengan pilihannya sendiri, bukan kerana paksaan untuk menerima wakaf tersebut. Apabila penerima wakaf yang ditentukan itu menolak wakaf tersebut, maka batal haknya. Demikian juga sekiranya dia diam dan tidak menerima, maka batal wakafnya. Sekiranya dia menarik kembali penolakannya iaitu dia ingin menerima wakaf setelah menolaknya, maka haknya ke atas wakaf tersebut tidak akan kembali.**

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

# Zikir : Mengingati Allah setiap masa

"**WAHAI** *orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingat Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang".*

(Surah Al-Ahzab, ayat 41 - 42)

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala menyeru orang-orang beriman agar sentiasa mengingatinya dalam setiap keadaan. Zikir bukan sekadar amalan tambahan, tetapi merupakan tuntutan utama dalam kehidupan seorang Muslim agar sentiasa dekat dengan Allah dan memperoleh ketenangan jiwa.

Dari sudut bahasa, perkataan zikir berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud mengingat, menyebut dan mengenang. Dari segi istilah pula, zikir merujuk kepada segala bentuk peringatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sama ada melalui lisan, hati atau perbuatan. Oleh itu, zikir merupakan satu bentuk ibadah yang menghubungkan secara langsung antara hamba dan penciptanya.

Zikir memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan seharian. Antaranya ialah memberikan ketenangan hati dan jiwa. Hal ini berdasarkan firman Allah :

*"(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingat Allah Subhanahu Wata'ala). Ketahuilah dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram".*

(Surah Ar-Ra'd, ayat 28)

Ayat ini membuktikan bahawa zikir merupakan penawar bagi fikiran yang bercelaru, hati yang gelisah dan resah.

Selain itu, zikir juga mendekatkan seseorang kepada Allah. Dalam firman-Nya yang berbunyi :

*"Maka ingatlah kamu kepada-Ku (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingati kamu".*

(Surah Al-Baqarah, ayat 152)

Ini menunjukkan bahawa orang yang sentiasa berzikir akan mendapat perhatian dan kasih sayang daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, zikir juga menjadi sebab kepada keampunan. Perkara ini telah disebut dalam firman-Nya :

*"Dan lelaki-lelaki serta perempuan-perempuan yang banyak berzikir mengingat Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka keampunan dan pahala yang besar".*

(Surah Al-Ahzab, ayat 35)

Ini membuktikan bahawa amalan zikir seperti istighfar bukan sahaja mendekatkan diri kepada Allah, malah mampu menghapuskan dosa serta menyucikan jiwa seseorang.

Zikir juga membantu seseorang mengenal jati dirinya sebagai hamba Allah. Apabila seseorang sentiasa mengingati Allah, dia akan sedar tujuan hidupnya dan tidak mudah terpengaruh dengan perkara yang melalaikan. Ini memberikan kejelasan identiti dan arah dalam kehidupan.

Betapa besarnya ganjaran bagi orang yang mengingati Allah kerana orang yang sentiasa berzikir akan diliputi dengan rahmat Allah. Dalam hadis, disebutkan bahawa majlis-majlis zikir akan dikelilingi oleh para malaikat, dilimpahi rahmat dan diturunkan ketenangan.

Islam memberi peringatan kepada mereka yang lalai daripada mengingati Allah. Berdasarkan firman Allah :

*"Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang lupa kepada Allah lalu Allah biarkan mereka lupa kepada diri mereka sendiri. Mereka itulah orang fasik".*

(Surah Al-Hasyr, ayat 19)

Jelaslah melalui ayat ini bahawa barang siapa yang melupakan Allah pasti akan membawa kepada kerosakan diri dan hilangnya arah hidup.

Antara zikir yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian ialah membaca tasbih (Subhanallah), tahmid (Alhamdulillah), takbir (Allahu Akbar), istighfar dan selawat. Amalan ini mudah dilakukan pada bila-bila masa, sama ada ketika berjalan, bekerja atau berehat.

Zikir merupakan amalan yang sangat penting dalam kehidupan seorang Muslim kerana ia bukan sahaja mendekatkan diri kepada Allah, tetapi juga memberikan ketenangan jiwa, keampunan dosa serta membentuk akhlak mulia. Justeru itu, setiap seorang Muslim hendaklah berusaha untuk sentiasa mengingat Allah dalam setiap keadaan agar hidup sentiasa diberkati.

# POLMAR PPDB ANJUR LATIHAN SIMULASI TABLE TOP EXERCISE





**LATIHAN Simulasi TableTop Exercise (TTX) Pangkalan Marin Daerah Belait anjuran Polis Marin, Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri telah diadakan di Bangunan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam, Daerah Belait (atas dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**KUALA BELAIT**, Isnin, 22 Jun. - Polis Marin (POLMAR), Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah melaksanakan Latihan Simulasi Table Top Exercise (TTX) Pangkalan Marin Daerah Belait (PMDB) bertempat di Bangunan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), Daerah Belait.

Latihan tersebut dianjurkan oleh POLMAR PPDB dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri. Majlis pembukaan rasmi telah disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Gerakan, PPDB, Penolong Pesuruhjaya Polis Haji Hamri Aslan bin Haji Abu Hanafiah.

Latihan ini bertujuan memberikan peluang kepada setiap agensi yang terlibat untuk membincangkan serta menyelaraskan tindakan kecemasan dan keselamatan mengikut peranan dan tanggungjawab masing-masing melalui pendekatan simulasi. Menerusi pendekatan ini, tahap kesiapsiagaan, pelan tindakan serta keberkesanan komunikasi antara agensi dapat diuji tanpa melibatkan sebarang risiko sebenar.

Latihan ini turut digariskan dengan beberapa objektif utama, iaitu mengesahkan keberkesanan Prosedur Operasi Standard (SOP), menguji tahap respons terhadap situasi krisis, mengenal pasti keupayaan serta kesiapsiagaan agensi yang terlibat serta menilai keberkesanan penyaluran maklumat dan koordinasi antara agensi.

Agensi-agensi yang terlibat dalam latihan ini terdiri daripada POLMAR PPDB, Daerah Polis Kuala Belait PPDB, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pusat Penyelarasan Maritim Kebangsaan (PPMK), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Jabatan Perikanan, Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Emergency Medical Ambulance Services (EMAS) serta MPABD.



## MINDA PEMBACA

# Amalan membaca, kunci kejayaan

DARI bangku sekolah rendah lagi, kita seringkali mendengar ayat "Membaca itu kunci kejayaan". Namun sejauh mana kita menghayati falsafah di sebalik ayat tersebut? Ternyata ilmu yang diperoleh daripada tabiat kita yang suka membaca, bukan saja dapat memperluaskan pemikiran, tapi ia juga membina karakter serta ketajaman minda dalam membuat sesuatu keputusan.

Di Brunei Darussalam, pelbagai bahan bacaan yang mudah didapati, seperti surat khabar, majalah, buku, jurnal dan lain-lain. Dan di zaman serba moden ini, Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan memiliki bahan bacaan digital dan elektronik yang boleh diakses secara dalam talian. Semuanya mengandungi bermacam - macam maklumat mengenai peristiwa-peristiwa atau perkara-perkara yang wujud dan berlaku di seluruh dunia.

Pelbagai kebaikan yang kita peroleh dari amalan membaca ini. Dengan amalan ini, dapat memperluaskan horizon pemikiran dan secara tidak langsung akan mengubah cara otak kita berfungsi dan bagaimana cara kita melihat dunia. Kita tidak sekadar melihat huruf dan susunan ayat tapi kita juga sedang memasukkan cara berfikir, pengalaman dan budaya masyarakat lain ke dalam minda kita sendiri. Tanpa membaca, pemikiran kita hanya terbatas kepada apa yang kita lihat, dengar dan alami sendiri di sekeliling kita.

Dengan banyak membaca, dapat mempertingkatkan pembendaharaan kata dan kemahiran berkomunikasi yang sangat penting untuk digunakan dalam akademik. Kebanyakan pelajar yang mendapat keputusan cemerlang adalah pelajar yang banyak membaca. Dengan ilmu pengetahuan yang banyak diperoleh dari bacaan, membolehkan pelajar mengaplikasikan dan menghuraikan ilmu pengetahuan yang dimiliki dalam melaksanakan tugasan serta menjawab peperiksaan dengan lebih berkesan.

Oleh itu, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa amalan suka membaca itu adalah kunci kepada kejayaan seseorang dalam bidang yang diceburi. Amalan membaca di dalam kalangan sesuatu masyarakat juga mampu membawa kepada kejayaan sebuah negara. Rakyat yang berilmu pengetahuan tinggi dapat meningkatkan produktiviti, memperkasakan inovasi dan memperkukuh daya saing negara di peringkat global.

**Nama : Bibiyani Haji Sallehudin**
**No. K/P : 00-318XXX**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Peranan Belia dalam Pembangunan Negara'.** Tarikh Tutup **: 24 Jun 2026**
2. **'Keselamatan Data Peribadi dalam Era Digital'.** Tarikh Tutup **: 1 Julai 2026**
3. **'Hijrah: Mengubah Diri, Mengubah Dunia'.** Tarikh Tutup **: 8 Julai 2026**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
## Menghadhiri Upachara Penyampaian Ijazah Universiti Malaya

**BERAKAS. — Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada tengah hari Juma'at yang lalu untok menghadhiri Upachara Penyampaian Ijazah Universiti Malaya pada hari Sabtu 25 Jun.**

**Ijazah2 itu telah di-sampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera selaku Chanselor Universiti Malaya.**

Pelita Brunei



# Hari Asyura : Lipat gandakan amalan

**Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail**
**Foto : Nurdiyanah Rajami**

**ALHAMDULILLAH** kita masih diberi kesempatan untuk melakukan amal ibadat pada bulan Muharam iaitu Hari Asyura. Apakah Hari Asyura itu? Hari Asyura adalah hari yang jatuh pada 10 Muharam dalam kalender Hijrah dan memiliki keistimewaan tersendiri bagi umat Islam. Kata 'Asyura' bererti 'kesepuluh' dalam bahasa Arab.

Hari Asyura (10 Muharam) adalah hari istimewa dalam Islam yang memiliki banyak kelebihan, terutama puasa sunat yang dapat menghapus dosa setahun yang lalu. Selain itu, ia juga menjadi momen bersejarah dengan peristiwa besar seperti keselamatan Nabi Musa Alaihissalam dari Firaun dan tradisi menyantuni anak yatim.

Sebagai umat Islam, kita amat digalakkan untuk melipatgandakan amalan apabila tibanya Hari Asyura kerana ia merupakan hari yang sangat dicari-cari fadilatnya oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Keutamaan hari ini diakui sendiri oleh para sahabat yang melihat betapa bersungguh-sungguhnya Baginda menantikan ketibaannya untuk berpuasa.

Hal ini jelas berdasarkan sebuah riwayat daripada Ibnu Abbas Radiallahuanhu yang maksudnya : "*Aku tidak pernah melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengejar satu hari yang fadilatnya lebih berbanding hari-hari yang lain melainkan hari ini - iaitu Hari Asyura*". (Riwayat Al-Bukhari, 2006).

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "*Puasa pada Hari Asyura, aku berharap kepada Allah agar ia menghapuskan dosa setahun yang lalu*". (Riwayat Muslim).

Oleh itu, umat Islam digalakkan berpuasa pada 9 dan 10 Muharam (Tasu'a dan Asyura) sebagai tanda mengikuti Sunnah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

**Amalan Sunnah di Hari Asyura**

**- Puasa Tasu'a :** Puasa pada 9 Muharam sebagai perbezaan puasa antara Yahudi yang hanya berpuasa pada 10 Muharam.

**- Puasa Asyura :** Dilaksanakan pada 10 Muharam.

**- Taubat Nasuha :** Memperbaharui taubat agar pengampunan dosa lebih sempurna.

**- Sedekah dan doa :** Membaca doa, memperbanyak zikir dan bersedekah.

**- Menyantuni anak yatim :** Mengusap kepala anak yatim sebagai bentuk kasih sayang dan empati.

Untuk mengajak seluruh umat Islam beramal ibadat pada hari Asyura, pendekatan yang menyentuh hati dan menyatukan masyarakat sangat penting. Berikut beberapa cara yang boleh dilakukan :

**Mengajak umat Islam beramal di Hari Asyura**

**- Pendidikan masjid :** Mengadakan ceramah atau kuliah khas tentang kelebihan puasa Asyura dan amalan sunnah lain.

**- Media sosial :** Menyebarkan poster digital, video pendek, atau hadis-hadis tentang keutamaan Asyura di platform seperti Facebook, Instagram dan TikTok.

**- Program masyarakat :** Menganjurkan majlis berbuka puasa bersama, gotong-royong, atau aktiviti menyantuni anak yatim.

**- Pesanan khutbah :** Menjadikan khutbah Jumaat sebelum Asyura sebagai medium untuk menyeru umat Islam berpuasa dan beramal.

**- Contoh teladan :** Pemimpin masyarakat dan tokoh agama menunjukkan teladan dengan berpuasa dan mengajak orang ramai.

**Amalan Keluarga di Hari Asyura**

**- Puasa bersama :** Mengajak seluruh ahli keluarga berpuasa pada 9 dan 10 Muharam (Tasu'a dan Asyura). Ini akan merapatkan lagi hubungan antara keluarga dan anak-anak akan dapat menikmati kegembiraan dalam berpuasa pada Hari Asyura. Secara tidak langsung ini akan menjadi contoh dan ikutan mereka apabila dewasa kelak dengan mengikut contoh yang ditunjukkan oleh kedua ibu bapa.

**- Doa dan zikir :** Membaca doa bersama selepas solat, memperbanyakkan zikir dan selawat akan menambah keberkatan dalam hidup berkeluarga.

**- Cerita sejarah :** Menceritakan kisah Nabi Musa Alaihissalam diselamatkan dari Firaun, serta peristiwa penting lain yang berlaku pada Hari Asyura. Anak-anak akan dapat mengingati momen ini dan akan menjadi ristaan untuk diperdengarkan kepada generasi keturunan selanjutnya.

**- Sedekah keluarga :** Mengumpulkan sedekah dari setiap ahli keluarga untuk diberikan kepada fakir miskin atau anak yatim. Sikap seperti ini akan menjadi contoh terbaik agar anak-anak tahu bahawa bersedekah adalah suatu perbuatan yang mulia.

**- Menyantuni anak yatim :** Membawa anak-anak untuk berjumpa dan menyantuni anak yatim, mengajar mereka nilai kasih sayang. Tradisi menyantuni anak yatim pada Hari Asyura dikenali sebagai Lebaran Anak Yatim, yang mengajar kita nilai kasih sayang dan kepedulian sosial.

Marilah kita menjadikan keluarga kita sebagai pusat ibadah pada hari ini : berpuasa bersama, membaca doa dan mengingatkan anak-anak tentang sejarah Islam.

**Kesimpulan**

Hari Asyura adalah hari untuk memperbaharui taubat, memperkuat ibadah, dan memperkukuh ukhuwah sesama umat Islam. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala menerima amal kita, menghapuskan dosa-dosa kita dan menjadikan kita hamba-Nya yang taat.



# MAJLIS KHATAM AL-QURAN RAIKAN 42 MURID DARJAH VI SU SUNGAI BESAR

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**MENTIRI**, Isnin, 22 Jun. - Dalam usaha meningkatkan penghayatan Al-Quran dalam kalangan murid sekolah ugama, Sekolah Ugama Sungai Besar, Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 42 murid Darjah VI. Majlis tersebut diadakan di Dewan Serbaguna, Kelab Perkhidmatan Awam, Jalan Kelab Golf Pantai Mentiri, petang tadi.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Ketua Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Perkembangan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muhamad Dahrin bin Daud.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu khas majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam. Acara diteruskan dengan bacaan Takhtim serta Doa Khatam yang dipimpin oleh Awangku Md. Suyufuddin Al-Maturidi bin Pengiran Haji Md. Sofian.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian sijil kepada para peserta khatam yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis dengan diiringi persembahan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Tenaga Pengajar, Awang Mohammad Ayub bin Ali.

Dengan sokongan dan kehadiran para ibu bapa, yang sentiasa memberikan dorongan, bimbingan serta galakan kepada anak-anak dalam mempelajari dan menghayati Al-Quran, majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di persekolahan ugama merupakan salah satu usaha berterusan JPI dalam memperkukuhkan penghayatan hidup beragama dalam kalangan murid.

Di samping itu, majlis seumpama ini turut berperanan dalam mempereratkan kerjasama antara pihak sekolah dan ibu bapa serta sama-sama memperkukuhkan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.



**KETUA Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Perkembangan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muhamad Dahrin bin Daud hadir selaku tetamu khas majlis.**

# Memahami, menghayati makna hijrah



**PROGRAM Sambutan Awal Tahun Hijrah 1448 anjuran Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bang Dalam, Daerah Tutong, telah diadakan baru-baru ini, menghimpunkan ahli jawatankuasa takmir masjid serta Muslimah-muslimah masjid daripada seluruh Daerah Tutong.**

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami



**CERAMAH telah disampaikan oleh Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas merangkap Ketua Unit Kelas Bimbingan Muslimah, JHEM, KHEU, Dayang Hajah Nadhirah binti Haji Lahit.**

**TUTONG**, Isnin, 22 Jun. - Dalam usaha memperkukuhkan penghayatan terhadap sejarah serta nilai-nilai hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kalangan Muslimah masjid, sekali gus membentuk keperibadian Muslimah yang beriltizam melakukan perubahan ke arah kecemerlangan diri, keluarga dan masyarakat selaras dengan tuntutan syariat Islam, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bang Dalam, Daerah Tutong hari ini telah menganjurkan Program Sambutan Awal Tahun Hijrah 1448.

Program tahunan yang diadakan pagi tadi di Masjid Kampung Bang Dalam, Daerah Tutong itu telah diisikan dengan ceramah yang mengupas sejarah hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta menjelaskan makna dan penghayatan hijrah dalam kehidupan masa kini.

Ceramah berkenaan telah disampaikan oleh Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas merangkap Ketua Unit Kelas Bimbingan Muslimah, JHEM, KHEU, Dayang Hajah Nadhirah binti Haji Lahit.

Majlis berkenaan telah menghimpunkan ahli jawatankuasa takmir masjid serta Muslimah-muslimah masjid daripada seluruh Daerah Tutong bagi sama-sama menyelami keindahan majlis kerohanian tersebut.

Melalui program seumpama ini, ia sememangnya diharap para Muslimah akan dapat memahami dan menghayati makna hijrah dengan lebih mendalam, seterusnya mendorong mereka untuk melakukan perubahan positif ke arah kehidupan yang lebih cemerlang dan berlandaskan ajaran Islam.

Selain dalam sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Awal Tahun Hijrah, perhimpunan berkenaan juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan Muslimah masjid di Daerah Tutong.




Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

# Kuih Sago Merah

## RPN Kampung Meragang

**BAHAN-BAHANNYA :**

1 cawan sago
2 cawan santan
2 cawan kelapa parut
2 sudu makan gula melaka
2 helai pandan

**CARA-CARA MEMASAKNYA :**

Didihkan air santan hingga mendidih kemudian baru masukkan sago. Kacau rata selama 10 minit. Kemudian, bila sudah pekat masukkan 1½ cawan kelapa parut, 2 sudu gula melaka dan masukkan 2 helai pandan.

Setelah itu, masukkan ke dalam loyang untuk dikukus. Kukus sehingga sago masak selama 10 - 20 minit. Sesudah masak, sejukkan sago dan potong ikut cita rasa sendiri dan gaulkan bersama lebihan kelapa parut tadi.

فليتا بروني PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# MENTERI LUAR JORDAN, ALGERIA BINCANG HUBUNGAN DUA HALA, KESTABILAN SERANTAU

**AMMAN**, 22 Jun. - Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Jordan, Ayman Safadi dan Menteri Luar Algeria, Ahmed Attaf mengadakan perbincangan di sini pada Ahad, sekali gus menegaskan semula komitmen untuk memperkukuh hubungan dua hala serta meningkatkan kerjasama dalam sektor ekonomi, pertanian, kesihatan dan farmaseutikal, lapor Xinhua.

Kedua-dua pihak membincangkan usaha mengaktifkan Forum Perniagaan Jordan-Algeria dan bersetuju mengkaji kemungkinan mewujudkan senarai barangan keutamaan bagi pengaturan perdagangan keutamaan, menurut kenyataan Kementerian Luar Jordan.

Menurut kenyataan itu, mereka juga bersetuju untuk memulakan persiapan bagi sesi ke-10 Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri Jordan-Algeria.

Mengenai perkembangan serantau, kedua-dua menteri meneliti usaha untuk membendung peningkatan ketegangan dan mengembalikan ketenteraman, selain menegaskan keperluan menangani punca utama ketegangan.

Mereka turut menekankan kepentingan mengekalkan kestabilan di Gaza serta memastikan penyaluran bantuan kemanusiaan yang berterusan ke wilayah itu, di samping menggesa agar langkah-langkah Israel di Tebing Barat yang diduduki, termasuk peluasan penempatan haram dan perampasan tanah, dihentikan.

Kedua-dua pihak turut membincangkan persiapan bagi mesyuarat rundingan menteri-menteri luar Arab dan penyambungan semula sesi ke-165 Majlis Liga Arab di peringkat menteri, yang kedua-duanya akan dihoskan Jordan pada Isnin. - ©BERNAMA

## Australia lapor kes kedua selesema burung H5N1

**CANBERRA**, 22 Jun. - Pihak berkuasa mengesahkan burung penghijrah kedua ditemukan positif untuk virus selesema burung H5N1 yang membawa maut di Australia Barat, lapor Xinhua.

Julie Collins, Menteri Pertanian, Perikanan dan Perhutanan, memberitahu pemberita di Canberra pada Isnin seekor merpati laut (*petrel*) gergasi utara yang ditemui sakit di pantai di selatan WA pada Khamis, diuji positif untuk *strain* yang sangat patogenik itu.

Kes itu dua hari selepas Collins pada Sabtu mengumumkan seekor skua perang yang ditemui sakit di wilayah yang sama di selatan WA pada 14 Jun mati akibat jangkitan H5N1, menjadikannya kes pertama yang disahkan di tanah besar Australia.

Collins berkata pada Isnin, setakat ini tiada bukti kematian besar-besaran burung hidupan liar atau *strain* merebak ke dalam sistem ternakan atau pertanian Australia.

"Kami sedang berusaha untuk menentukan sama ada selesema burung H5 telah wujud di hidupan liar atau Australia, selain daripada dua burung terpencil ini," katanya.

Ingham's, antara pengeluar ayam terbesar Australia, mengumumkan pada awal Isnin, sedang melaksanakan penutupan sepenuhnya seluruh operasinya di Australia Barat untuk mengurangkan risiko selesema burung.

Menteri Alam Sekitar Australia Murray Watt berkata pada pagi Isnin, negara itu juga bersedia untuk menghadapi wabak tempatan. - ©BERNAMA

## 3 maut, beberapa lagi cedera dalam insiden tembakan di sekolah di Republik Filipina

**ISTANBUL**, 22 Jun. - Sekurang-kurangnya tiga orang maut manakala lima lagi cedera dalam satu insiden tembakan di sebuah sekolah di Republik Filipina pada Isnin, lapor Anadolu Ajansi (AA) yang memetik media tempatan.

Insiden itu berlaku di Sekolah Menengah Kebangsaan San Jose di Tacloban City, dengan seorang daripada dua suspek yang dipercayai terlibat kini berada dalam tahanan polis, menurut akhbar harian Inquirer.

Polis memaklumkan seorang daripada suspek - seorang kanak-kanak yang berdepan tindakan undang-undang dan penduduk San Jose - ditahan tidak lama selepas kejadian itu, manakala seorang lagi suspek masih bebas.

Pihak berkuasa masih belum mendedahkan identiti mangsa kerana penyiasat masih menyiasat kejadian tembakan itu, termasuk motif di sebalik serangan berkenaan.

Hubungan antara mangsa dan suspek juga masih belum dapat dipastikan.

Polis telah melancarkan operasi memburu suspek bagi mengesan dan menahan suspek kedua. - ©BERNAMA

## Parti pemerintah Ethiopia menang besar dalam pilihan raya umum

**ADDIS ABABA**, 22 Jun. - Parti Kemakmuran (PP) pimpinan Perdana Menteri, Abiy Ahmed meraih kemenangan besar dalam pilihan raya parlimen negara itu yang diadakan tiga minggu lalu, menurut keputusan rasmi yang diumumkan pada Ahad, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

PP memenangi 438 daripada 501 kerusi yang dipertandingkan, menurut pihak berkuasa pilihan raya negara itu.

Peratusan keluar mengundi dilaporkan mencecah 94 peratus. Keputusan bagi pilihan raya yang diadakan pada 1 Jun itu pada asalnya dijadual diumumkan pada 11 Jun.

Pihak berkuasa pilihan raya menyifatkan proses pengundian itu berjaya meskipun berdepan masalah teknikal dan kekacauan di wilayah Amhara dan Oromia, yang menyaksikan kumpulan bersenjata mendirikan sekatan jalan raya di beberapa kawasan bagi menghalang orang ramai daripada mengundi.

PP sememangnya dijangka memenangi pilihan raya itu, antaranya disebabkan bilangan calon pembangkang yang dibenarkan bertanding adalah rendah.

Pengundian juga tidak diadakan di Tigray, menjadikannya kali kedua wilayah yang bergolak itu dikecualikan daripada pilihan raya sejak pengundian pada 2021. - ©BERNAMA

## Letupan di Ras Laffan, 54 cedera manakala 18 belum dapat dikesan

**DOHA**, 22 Jun. - Sekurang-kurangnya 54 orang cedera manakala 18 lagi masih belum dapat dikesan selepas satu letupan menggegarkan Bandar Perindustrian Ras Laffan di Qatar lewat Ahad, menurut Kementerian Dalam Negeri Qatar pada Isnin, lapor Xinhua.

Ras Laffan, yang menempatkan terminal eksport utama gas asli Qatar pernah menjadi sasaran serangan Republik Islam Iran semasa perang dan kekal ditutup selama beberapa minggu selepas itu. Pihak berkuasa Qatar berkata letupan itu berlaku ketika pekerja sedang berusaha memulakan semula operasi di loji Barzan. - ©BERNAMA

## Kebakaran di kilang aerosol Poland cetus risiko letupan

**WARSAW**, 22 Jun. - Kebakaran yang tercetus di sebuah kilang pembuatan aerosol di Charnowo, utara Poland pada Ahad masih belum dapat dipadamkan setakat 6.30 petang waktu tempatan, dengan operasi pemadaman terus dijalankan.

Menurut pihak berkuasa tempatan, terdapat risiko berlakunya letupan, lapor Xinhua. Kebakaran dilaporkan berlaku sejurus sebelum 1 tengah hari waktu tempatan, dengan anggota bomba mengesahkan keseluruhan premis kilang terbabit dijilat api.

Lebih 60 pasukan bomba dan sukarela, membabitkan lebih 200 anggota dikerah ke lokasi bagi mengawal kebakaran. Polis turut mengarahkan pemindahan pekerja serta penduduk yang berada di kawasan berhampiran kilang berkenaan, manakala kepulan asap hitam tebal dapat dilihat dari jarak beberapa kilometer.

Majlis Keselamatan Pusat turut mengeluarkan amaran khas berkaitan asap susulan insiden itu. Menurut saluran televisyen tempatan TVN24, pegawai media Jabatan Bomba Slupsk, Piotr Basarab mengakui keadaan di lokasi adalah mencabar.

"Kami masih dapat mendengar bunyi letupan dari kawasan terjejas dan pada masa sama berdepan risiko tinggi letupan yang berpunca daripada gas terkumpul akibat kebakaran," katanya.

Perkhidmatan kecemasan setakat ini melaporkan tiada kemalangan jiwa, sambil memaklumkan hanya petugas keselamatan berada di dalam bangunan ketika kebakaran bermula. Punca kebakaran masih dalam siasatan dan operasi pemadaman dijangka berterusan sehingga Isnin. - ©BERNAMA

## 8 maut, 38 cedera dalam insiden tembakan di Chicago

**NEW YORK**, 22 Jun. - Sekurang-kurangnya lapan terbunuh manakala 38 lagi cedera dalam beberapa insiden tembakan yang berlaku di seluruh Chicago, Amerika Syarikat (AS) sepanjang cuti hujung minggu yang panjang, menurut polis tempatan, lapor Xinhua.

Sekurang-kurangnya 24 insiden tembakan dilaporkan sejak 5 petang Jumaat dan mangsa yang terlibat berusia antara 14 hingga 70 tahun, menurut Jabatan Polis Chicago.

Jabatan itu memaklumkan sekurang-kurangnya 12 orang cedera pada malam Jumaat selepas dua lelaki bersenjata melepaskan tembakan dari sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) ke arah sekumpulan orang yang sedang berkumpul di bahagian selatan jauh Chicago.

Presiden AS Donald Trump pada Ahad sekali lagi menggesa campur tangan ketenteraan di bandar ketiga terbesar negara itu.

"Mengapa Gabenor Pritzker tidak menghubungi saya untuk mendapatkan bantuan? Saya boleh menjadikan Chicago sebuah bandar yang selamat dalam MASA SATU BULAN. Dalam MASA SATU TAHUN, ia akan menjadi antara bandar paling selamat!!!" tulis Trump dalam satu hantaran di platform Truth Social pada pagi Ahad.

Pada 2025, Trump mengerahkan anggota Pengawal Kebangsaan untuk menjalankan misi membanteras jenayah di bandar-bandar yang ditadbir Parti Demokrat termasuk Chicago, namun langkah itu mendapat tentangan hebat.

Walaupun data Jabatan Polis Chicago menunjukkan sedikit peningkatan dalam jumlah insiden tembakan berbanding separuh pertama tahun lalu, kadar jenayah kekerasan secara keseluruhannya telah menurun sejak beberapa tahun kebelakangan ini, selaras dengan trend di peringkat nasional. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# SAINTIS REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM HASILKAN MAKANAN TAMBAHAN KESIHATAN DARIPADA KULIT KACANG HIJAU

**PHNOM PENH**, 23 Jun. - Saintis Republik Sosialis Viet Nam berjaya menjadikan kulit kacang hijau yang lazimnya dibuang kepada bahan semula jadi bernilai tinggi yang berpotensi digunakan dalam pembangunan makanan tambahan kesihatan untuk membantu pengurusan diabetes.

Penyelidik di Akademi Sains dan Teknologi Vietnam (VAST) mengekstrak *vitexin*, iaitu sebatian tumbuhan yang terdapat dalam kulit kacang hijau, sebelum menukarkannya kepada *nanovitexin*, bahan mentah berasaskan teknologi nano yang direka untuk meningkatkan kadar penyerapan dalam badan.

Menurut penyelidik, *nanovitexin* berpotensi membantu mengawal paras gula dalam darah serta menawarkan manfaat terapeutik yang lebih baik berbanding formulasi *vitexin* konvensional.

"Sistem formulasi berasaskan nano mampu meningkatkan kadar penyerapan sebatian yang sukar larut, memperkukuh kestabilan dalam pelbagai keadaan persekitaran serta meningkatkan keberkesanan farmakologi," kata ketua pasukan penyelidik, Dr. Ngo Thi Hoai Thu dari Institut Biologi VAST, lapor Vietnam News.

Kacang hijau (*Vigna radiata*) ditanam secara meluas di kawasan beriklim tropika dan banyak digunakan di negara Asia sebagai bahan makanan serta dalam perubatan tradisional.

Menurut pakar kesihatan, kekacang hijau kaya dengan pelbagai nutrien seimbang seperti serat, protein, vitamin dan mineral.

Sejak 2022, saintis di akademi berkenaan menjalankan kajian menggunakan nanoteknologi bagi menghasilkan *vitexin* dalam bentuk zarah nano untuk dijadikan makanan tambahan kesihatan.

Menurut laman sesawang VAST yang berpangkalan di Hanoi, penyelidik Republik Sosialis Viet Nam yakin bahan itu mampu menjadi satu penemuan penting dalam bidang makanan kesihatan, khususnya bagi pesakit diabetes.

Persekutuan Diabetes Antarabangsa (IDF) menganggarkan kira-kira 589 juta orang dewasa menghidap diabetes, manakala 3.4 juta kematian direkodkan akibat penyakit itu pada 2024.

Menurut IDF, tiga daripada setiap empat pesakit diabetes dewasa berasal dari negara berpendapatan rendah dan sederhana.

Diabetes ialah penyakit kronik yang berlaku apabila pankreas tidak menghasilkan insulin yang mencukupi atau apabila badan tidak dapat menggunakan insulin yang dihasilkan dengan berkesan, menyebabkan paras gula dalam darah meningkat. - ©BERNAMA

# 6 lelaki Australia berdepan pertuduhan seludup 120kg kokain dari AS

**SYDNEY**, 23 Jun. - Enam lelaki dari negeri New South Wales (NSW) di timur Australia berdepan pertuduhan berhubung cubaan menyeludup masuk 120 kilogram (kg) kokain dari Amerika Syarikat (AS) serta penemuan sebuah makmal dadah susulan siasatan kes itu, lapor Xinhua.

Polis Persekutuan Australia (AFP) dan Pasukan Sempadan Australia (ABF) pada Selasa memaklumkan bahawa siasatan bermula pada Disember 2025 apabila pegawai mengesan satu konsainan dari California yang mengandungi empat transmisi kenderaan.

Komponen berkenaan kemudiannya dileraikan dan sebanyak 120kg kokain yang dianggarkan bernilai A$39 juta (kira-kira AS$27.2 juta) di pasaran gelap ditemukan disembunyikan di dalam transmisi itu.

Susulan itu, penyiasat AFP melaksanakan waran geledah di empat premis di NSW pada 18 Jun lepas.

Di sebuah daripada premis di pekan kecil Kingsdale, kira-kira 165 kilometer ke barat daya Sydney, polis menemukan sebuah makmal haram berskala besar yang dipercayai digunakan untuk menghasilkan kokain dan methamphetamine dalam kuantiti komersial.

Sebanyak 44kg kokain dan 2kg methamphetamine lagi dirampas dari premis itu, manakala empat lelaki berusia 35, 41, 45 dan 49 tahun ditahan.

Keempat-empat mereka berdepan pertuduhan atas beberapa kesalahan termasuk mengedar kokain dan methamphetamine dalam kuantiti komersial.

Jika disabitkan kesalahan, mereka boleh dikenakan hukuman maksimum penjara seumur hidup.

Dua lagi lelaki berusia 56 dan 52 tahun turut ditahan di premis lain dan berdepan pertuduhan yang lebih ringan. - ©BERNAMA

# 2 kanak-kanak ditemukan maut dalam kereta ketika gelombang haba landa Republik Perancis

**PARIS**, 23 Jun. - Dua kanak-kanak berusia dua dan empat tahun ditemukan maut di dalam kereta milik keluarga mereka di bandar Carpentras, selatan Republik Perancis pada Isnin, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Menurut siasatan awal, dua beradik itu dipercayai terkunci secara tidak sengaja di dalam kenderaan berkenaan, menurut pejabat pendakwa raya tempatan.

Ibu mereka menemukan kedua-dua kanak-kanak itu di dalam kereta yang diparkir di laluan masuk rumah keluarga berkenaan.

Pasukan kecemasan berusaha memberi bantuan kecemasan kepada mangsa, namun gagal menyelamatkan mereka.

Pejabat pendakwa raya telah membuka siasatan awal atas kesalahan menyebabkan kematian tanpa niat, manakala bedah siasat turut diarahkan bagi menentukan punca sebenar serta keadaan yang membawa kepada kematian kedua-dua kanak-kanak itu.

Ibu mangsa yang berusia 33 tahun menerima rawatan daripada anggota bomba selepas mengalami kejutan emosi.

Menurut pihak berkuasa, penyiasat pada peringkat awal tidak dapat mengambil keterangannya berikutan keadaannya ketika itu. Siasatan lanjut masih dijalankan.

Tragedi berlaku ketika Republik Perancis berdepan gelombang haba yang tinggi, dengan suhu mencecah sehingga 42 darjah Celsius di beberapa kawasan negara itu.

Di Carpentras, suhu dilaporkan meningkat kepada sekitar 39 darjah Celsius pada Isnin, menurut perkhidmatan cuaca kebangsaan, Météo-France.

Sebahagian besar wilayah Republik Perancis masih berada di bawah amaran merah, iaitu tahap amaran tertinggi, dengan suhu dijangka terus meningkat dalam beberapa hari akan datang. - ©BERNAMA

# Guterres gesa komitmen politik diperkukuh bagi percepat usaha tangani HIV global

**NEW YORK**, 23 Jun. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres pada Isnin menggesa komitmen politik diperkukuh bagi mempercepat dan menamatkan perjuangan global menentang HIV, ketika berucap pada Mesyuarat Peringkat Tinggi Perhimpunan Agung PBB mengenai HIV/AIDS, lapor Xinhua.

"Mesyuarat ini diadakan untuk mencari penyelesaian dan sekali lagi menghimpunkan iltizam politik bagi mempercepat serta menamatkan perjuangan global menentang HIV," menurut kenyataan Guterres yang disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Agung PBB Amina Mohammed pada sesi pleno pembukaan mesyuarat berkenaan.

Guterres berkata dalam tempoh 45 tahun sejak kes pertama AIDS dilaporkan, dunia menunjukkan ketabahan dan semangat solidariti yang luar biasa walaupun usaha itu bukan sesuatu yang mudah.

Menurut beliau, hasil komitmen politik kerajaan serta pelaburan rakan kerjasama global, jumlah kematian berkaitan AIDS telah menurun sebanyak 70 peratus berbanding kemuncaknya pada 2004 dan 54 peratus berbanding 2010.

Beliau berkata perkhidmatan pencegahan dan rawatan HIV turut membantu mengurangkan jangkitan baharu sebanyak 40 peratus sejak 2010, manakala lebih 32 juta individu yang hidup dengan HIV kini menerima terapi antiretroviral yang menyelamatkan nyawa.

Bagaimanapun, Guterres menegaskan bahawa ancaman AIDS masih belum berakhir apabila 9.2 juta orang yang memerlukan rawatan HIV masih tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan berkenaan pada penghujung 2024.

Beliau mengemukakan lima laluan yang disifatkan sebagai penting, iaitu merapatkan jurang akses kepada perkhidmatan pencegahan, rawatan dan penjagaan; memastikan kepimpinan komuniti dalam tindak balas terhadap HIV; melindungi hak asasi manusia; menjamin pembiayaan yang mencukupi; serta menghidupkan semula semangat multilateralisme yang menjadi pemacu usaha menangani HIV sejak awal.

"Tindak balas terhadap HIV telah membuktikan bahawa solidariti merentasi sempadan dan sektor mampu mengatasi ketakutan, ketidaksamaan dan ketidakadilan.

"Ia juga membuktikan bahawa institusi di peringkat global, serantau dan tempatan sama penting untuk menjayakan usaha bersama," katanya.

Beliau berkata mesyuarat itu merupakan peluang untuk membuktikan bahawa masyarakat antarabangsa masih mampu bersatu berlandaskan sains, maruah manusia, solidariti dan tanggungjawab bersama. - ©BERNAMA

# Permintaan buah tropika meningkat, Republik Rakyat China perluas kapasiti hab perdagangan

**PINGXIANG (REPUBLIK RAKYAT CHINA)**, 23 Jun. - Permintaan yang semakin meningkat terhadap buah-buahan tropika dari Asia Tenggara di Republik Rakyat China mendorong peluasan hab perdagangan buah-buahan China-ASEAN di Guangxi, dengan durian muncul sebagai komoditi paling bernilai dalam perdagangan dua hala.

China-ASEAN (Chongzuo) Fruit Trading Centre di Guangxi, yang terletak di bandar Pingxiang, Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, mempunyai kedudukan strategik antara Pelabuhan Persahabatan dan Pelabuhan Puzhai, sekali gus mempercepat pergerakan barangan menerusi dua pintu masuk utama yang menghubungkan Republik Rakyat China dengan Republik Sosialis Viet Nam.

Jurucakap pusat itu berkata kemudahan seluas 32.5 hektar berkenaan mempunyai kapasiti import dan eksport tahunan sebanyak 2.42 juta tan metrik, selain merekodkan pertumbuhan perdagangan purata kira-kira 10 peratus setahun dalam tempoh lima tahun lalu.

"Pingxiang mempunyai kelebihan lokasi yang unik sebagai pintu masuk penting bagi perdagangan antara Republik Rakyat China dengan ASEAN.

"Dengan kemudahan logistik dan rantaian bekalan yang semakin lengkap, kami berupaya menyokong pertumbuhan berterusan perdagangan buah-buahan rentas sempadan," katanya ketika memberi taklimat kepada delegasi media antarabangsa yang melawat pusat itu baru-baru ini.

Beliau berkata buah-buahan tropika seperti durian, nangka, mangga dan buah naga dari Asia Tenggara merupakan antara produk import utama yang memasuki pasaran Republik Rakyat China menerusi pusat berkenaan, manakala buah limau sitrus menjadi antara eksport utama Republik Rakyat China ke pasaran ASEAN.

Data perdagangan yang dipamerkan di pusat itu menunjukkan durian segar menjadi komoditi utama pada 2025, dengan jumlah dagangan sebanyak 805,600 tan bernilai kira-kira 22.89 bilion yuan.

Jumlah itu jauh mengatasi buah-buahan lain, seperti buah naga yang merekodkan dagangan sebanyak 483,500 tan bernilai 3.35 bilion yuan serta mangga sebanyak 416,800 tan bernilai 2.17 bilion yuan.

Limau sitrus pula mencatatkan jumlah dagangan sebanyak 234,700 tan bernilai 1.06 bilion yuan, manakala jambu batu merekodkan 62,700 tan bernilai 282 juta yuan.

Jurucakap itu berkata bagi memenuhi permintaan perdagangan rentas sempadan yang terus berkembang, pihaknya sedang melaksanakan fasa kedua pembangunan pusat berkenaan untuk meningkatkan kapasiti pemprosesan dan penyimpanan.

"Seiring peningkatan berterusan perdagangan buah-buahan antara Republik Rakyat China dengan ASEAN, kami akan terus menambah baik kemudahan logistik, penyimpanan dan pemprosesan bagi memenuhi keperluan pasaran yang semakin berkembang," katanya.

Beliau berkata pembangunan baharu itu merangkumi penyediaan ruang khas yang mampu menempatkan ratusan kontena buah-buahan segar, selain kemudahan tambahan bagi meningkatkan kecekapan pengendalian kargo dan rantaian sejuk.

Projek berkenaan turut mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor logistik, pengendalian kargo, pengangkutan dan pemprosesan makanan, sekali gus menyokong pembangunan ekonomi tempatan serta memperkukuh hubungan perdagangan antara Republik Rakyat China dengan ASEAN.

Tinjauan Bernama mendapati selain kemudahan pelepasan kastam dan pengangkutan, pusat itu turut mengintegrasikan perkhidmatan logistik rantaian sejuk, gudang, pemprosesan makanan serta platform e-dagang bagi meningkatkan kecekapan pengurusan rantaian bekalan.

Buah-buahan import turut diproses menjadi produk nilai tambah seperti kek dan pastri durian, manakala platform jualan dalam talian serta pemasaran menerusi penstriman langsung membantu memperluas akses pasaran kepada pengguna. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI




ePaper Pelita Brunei

# PMKK BRUNEI MUARA CALAR REKOD BERSIH PMKK TEMBURONG



**KEMENANGAN milik Pasukan PMKK Brunei Muara dalam saingan Kejohanan Liga Bola Sepak Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (PMKK) 2025-2026 apabila berjaya menewaskan Pasukan PMKK Temburong 2 - 1 baru-baru ini. Bagaimanapun, Pasukan PMKK Temburong masih kekal menerajui carta liga dengan kutipan 13 mata.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kejohanan Liga Bola Sepak Penghulu Mukim dan Ketua Kampung**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 22 Jun. - Rekod tanpa kalah Pasukan PMKK Temburong dalam saingan Kejohanan Liga Bola Sepak Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (PMKK) 2025-2026 terpaksa akur setelah rekod tanpa kalah tercalar selepas tewas kepada Pasukan PMKK Brunei Muara pada perlawanan yang berlangsung di Kompleks Sukan Temburong, pada Ahad lalu.

Pasukan PMKK Brunei Muara membuka tirai jaringan seawal minit ke-10 selepas menerima hadiah jaringan sendiri apabila Pengiran Fakrul tertolak ke gawang sendiri yang memberikan kelebihan jaringan pada separuh masa pertama.

Perlawanan lebih menarik dibabak kedua apabila penyerang Pasukan PMKK Brunei Muara menerusi Rasli Taram berjaya menggandakan jaringan menerusi sentuhan pada minit ke-40.

Pasukan PMKK Temburong bagaimanapun tidak mengalah dan Pengiran Fakrul berjaya menutup kesilapan sendiri dengan kejayaan merapatkan kedudukan menerusi sepakan penalti pada minit ke-51.

Walaupun terus berusaha mencari gol penyamaan, namun Pasukan PMKK Temburong gagal menembusi pertahanan kukuh Pasukan PMKK Brunei Muara sehingga wisel penamat dan terpaksa akur dengan kekalahan 1 - 2.

Kemenangan penting itu menyaksikan Pasukan PMKK Brunei Muara terus memberi tekanan kepada pasukan-pasukan di kelompok teratas liga. Walaupun tewas, Pasukan PMKK Temburong masih kekal menerajui carta liga dengan kutipan 13 mata.

Sementara itu, persaingan bagi kedudukan kedua semakin sengit apabila Pasukan PMKK Belait dan Pasukan PMKK Brunei Muara masing-masing mengumpul 7 mata, menjadikan saingan merebut tempat teratas masih terbuka luas untuk merampas kedudukan terbaik liga.

Di tangga tercorot pula, Pasukan PMKK Tutong masih belum menemui rentak kemenangan musim ini. Pasukan itu sekadar mengutip 1 mata hasil satu keputusan seri dan terus berdepan cabaran besar untuk memperbaiki kedudukan dalam carta liga.

# Eratkan silaturahim, pupuk perpaduan melalui sukan Pickleball



**PERLAWANAN Sukan Pickleball Persahabatan Hujung Minggu anjuran Court Kings & Queens Pickleball Club yang telah mengambil tempat bertempat di dewan Sekolah Chung Hwa Kiudang telah menghimpunkan sebanyak 21 orang warga tempatan dan 20 orang asal penduduk Limbang, dengan matlamat untuk memupuk perpaduan serta menggalakkan gaya hidup sihat khususnya menerusi sukan Pickleball.**

**Oleh : Nurdiyanah Rajami**
**Foto : Ihsan Court Kings & Queens Pickleball Club**

**TUTONG**, Isnin, 22 Jun. - Gabungan lebih 40 orang pemain sukan Pickleball dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Limbang, Sarawak telah mengadakan Perlawanan Sukan Pickleball Persahabatan Hujung Minggu bertempat di dewan Sekolah Chung Hwa Kiudang, baru-baru ini.

Perlawanan anjuran Court Kings & Queens Pickleball Club ini semenangnya bermatlamat bagi terus mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk perpaduan dan kerjasama padu serta menggalakkan gaya hidup sihat khususnya menerusi sukan Pickleball.

Dalam pada itu, para pemain yang terdiri daripada 21 orang warga tempatan dan 20 orang asal penduduk Limbang yang menyertai perlawanan ini turut berpeluang menimba pengalaman baharu dan melihat corak permainan antara satu sama lain.

Selain itu, penganjuran perlawanan ini juga bertujuan menyemai budaya kesukanan, meningkatkan aktiviti riadah dalam kalangan masyarakat tidak kira peringkat usia, serta memperkukuh semangat setia kawan dalam suasana yang sihat sekali gus merangsang industri pelancong tempatan dan merancakkan ekonomi tempatan dengan adanya tarikan daripada para pemain dari luar negara.

Sukan Pickleball yang semakin meningkat popularitinya di seluruh dunia dan pada masa kini juga mula mencuri perhatian dengan sambutan positif di NBD dan negara jiran yang lain.

Dengan gabungan elemen daripada tenis, badminton dan pingpong, sukan jenis ini dimainkan dengan menggunakan raket kecil dan bola plastik berlubang.

Sukan Pickleball boleh dimainkan di dalam atau luar bangunan dan ia boleh dimainkan oleh sesiapa sahaja tanpa mengira umur, jantina termasuk kanak-kanak sama ada secara perseorangan (singles) atau beregu (doubles).

Pastinya, sukan Pickleball ini menawarkan pengalaman yang menyeronokkan dan mudah dipelajari sehingga menjadikannya pilihan utama bagi mereka yang berkeinginan mencuba sukan baharu.

# Nova FC tewaskan Taz FC



**PASUKAN Nova FC menang dengan jaringan 3 - 2 ke atas Taz FC pada perlawanan persahabatan di Padang Kebajikan Berakas baru-baru ini.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Mohammad Roswandi Haji Wahap**

**BERAKAS**, Isnin, 22 Jun. - Pasukan Nova FC menang tipis 3 - 2 ke atas Taz FC pada perlawanan persahabatan yang berlangsung di Padang Kebajikan Berakas, baru-baru ini.

Adapun tujuan utama perlawanan ini diadakan adalah untuk mengeratkan semula silaturahim dalam kalangan sahabat-sahabat alumni Mahad Islam Brunei setelah hampir empat tahun tidak bermain dan berkumpul bersama.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memupuk semangat ukhuwah, perpaduan dan kebersamaan melalui aktiviti riadah yang sihat dan bermanfaat, selain menjadi platform pertemuan semula untuk mengimbau kenangan lama, berkongsi perkembangan hidup dan mengukuhkan hubungan persaudaraan.